

Jilid I
Bil. 6



Hari Selasa
14hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dato' Rais Yatim [Ruangan 657]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 657]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Tuan Adam bin Abdul Kadir [Ruangan 700]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K.. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- „ TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN SAILAN (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjangan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHORI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 14hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Dato' Rais Yatim.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zubir bin Embong.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pembetulan baris yang keempat, perkataan "sekolah" itu diganti dengan "seluruh". Soalan No. 1.

Tuan Yang di-Pertua: "Seluruh Malaysia". Ya, baik.

UNDANG-UNDANG ISLAM
SEBAGAI MATAPELAJARAN
WAJIB

1. **Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Pelajaran menyatakan persediaan yang dilakukan oleh Kementerian ke arah menyediakan tenaga ikhtisas di bidang undang-undang bagi menolong

mempercepatkan taraf kehakiman dan Pentadbiran Keadilan di Mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dan bolehkah Undang-undang Islam dijadikan sebagai salah satu pelajaran wajib di Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyediakan tenaga ikhtisas di bidang undang-undang Islam, Kementerian telah menubuhkan Fakulti Undang-undang dan Akademi Islam Universiti Malaya dan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan. Di samping itu Universiti Islam Antarabangsa telah mewujudkan Fakulti Undang-undang dan Syariah dan telah mengadakan kursus Diploma lepasan ijazah selama 18 bulan. Kursus ini dikenali sebagai Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam. Kursus kali pertama dihadiri oleh 30 orang kadi-kadi dan kadi besar dari seluruh negeri di Malaysia. Pada masa ini pihak Universiti Malaya belum bercadang menjadikan undang-undang Islam sebagai salah satu matapelajaran wajib di Fakulti Undang-undang, sebaliknya Universiti Islam Antarabangsa mensyaratkan undang-undang Islam sebagai matapelajaran wajib bagi penuntut-penuntut yang mengambil undang-undang.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau undang-undang Islam tidak boleh dijadikan mata pelajaran wajib di universiti, apakah usaha Kementerian untuk

mengenalkan undang-undang itu kepada penuntut-penuntut Fakulti Undang-undang. Kalau boleh diwajibkan, adakah Kementerian Pelajaran sedia mengarahkan universiti tersebut mengambil tindakan segera. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran berpuas hati sekadar diajarkan ilmu undang-undang Islam tetapi tidak bersedia melaksanakan perundangan itu di negara ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim. Tuan Yang di-Pertua, eloklah saya jelaskan bahawa di Universiti Islam Antarabangsa memang wajib, tetapi di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya didapati belum ada keperluan untuk mewajibkannya kerana beberapa pertimbangan termasuk tenaga pengajar dan juga persiapan-persiapan lainnya. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar adalah dinasihatkan, bahkan digalakkan untuk menguasai ilmu Undang-undang Syariah ini untuk membolehkan mereka lebih mahir dan arif dalam menjalankan tugas mereka di negara ini.

Keduanya, dalam soal pelaksanaan, saya kira langkah yang pertama yang dijalankan oleh universiti adalah bertepatan iaitu mempersiapkan mahasiswa-mahasiswa dengan ilmu Undang-undang dan Syariah agar perlaksanaannya itu tidak kucar-kacir nanti.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Adakah pihak Kementerian Pelajaran ataupun Kerajaan sendiri masih tidak merasa perlu bagi pelajar-pelajar universiti memahami undang-undang Islam dalam usaha mengenalkan

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu sudahpun dijawab.

Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

KWSP—MENGURANGKAN KADAR CARUMAN

2. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada boleh menimbangkan agar sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh pihak pekerja serta majikan dikurangkan oleh kerana ekonomi yang tidak kukuh. Dengan ini akan memudahkan syarikat-syarikat atau majikan mengatasi masalah aliran wang tunai serta mengurangkan bebanan kepada pekerja-pekerja.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan atau kadar caruman yang perlu dibuat oleh pihak majikan atau pekerja kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) seperti yang ditetapkan sekarang adalah berpatutan dan tidak membebankan kedua-dua pihak.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, skim-skim pengeluaran wang KWSP adalah berdasarkan kepada prinsip Provident Fund, dengan izin, atau Kumpulan Wang. Oleh itu kekesanan pelaksanaan skim-skim pengeluaran wang yang boleh dibuat oleh pencaerum-pencaerum sebelum atau selepas persaraan adalah bergantung kepada jumlah kredit yang terdapat dalam akaun masing-masing. Sekiranya kadar caruman dikurangkan, maka jumlah kredit ahli akan berkurangan dan ini boleh mengakibatkan skim-skim pengeluaran wang yang sedang dilaksanakan oleh KWSP menjadi kurang bermakna. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang

untuk mengurangkan kadar caruman yang perlu dibuat oleh pihak majikan atau pekerja kepada KWSP seperti yang ditetapkan sekarang.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan itu bercadang untuk menambahkan pinjaman bagi ahli-ahli KWSP itu di mana kita dapati pinjaman-pinjaman bagi ahli-ahli KWSP itu untuk pinjaman perumahan hanya terhad kepada 45% atau tidak lebih daripada \$20,000. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan itu bercadang untuk meningkatkan pinjaman yang tersebut itu?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak berbangkit daripada soalan asal.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ekonomi meleset pada tahun 1985 dan 1986 bolehkah Timbalan Menteri sebut apakah kadar majikan yang lambat membayar pembayaran bulanan yang patut mereka carumkan, dengan izin, the rate of late payments.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan itu tanpa notis.

PERISYTIHARAN ASET MENTERI KABINET

3. **Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan betapa kesannya perisytiharan aset-aset oleh Menteri-menteri Kabinet supaya mencegah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan nepotisme dan sama ada Perdana Menteri sendiri mengisytiharkan aset-asetnya serta keluarganya supaya mengelak prasangka orang ramai; sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengisytiharkan aset-aset tersebut secara amaun jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, kesemua Menteri-menteri Kabinet termasuk saya sendiri telah mengisytiharkan aset masing-masing seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan dan Kerajaan berpuas hati bahawa ianya memenuhi tujuan-tujuan yang diharapkan. Oleh itu Kerajaan tidaklah bercadang hendak mengubah cara perisytiharan aset yang berjalan sekarang.

Tuan Sim Kwang Yang: Prinsip untuk mengisytiharkan aset-aset Menteri-menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk memenuhi kehendak prinsip public accountability. Walaupun Yang Amat Berhormat tadi sebutkan bahawa perisytiharan telah dibuat tetapi di sini saya ingin bertanya perisytiharan ini dibuat kepada siapa, macam mana tahu pihak pemimpin-pemimpin Kerajaan boleh menunjukkan bahawa prinsip public accountability telah dijalankan? Itu sahaja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat itu telah lupa bahawa Kerajaan ini dilantik oleh rakyat kerana rakyat percaya kepada Kerajaan, kepada parti yang dipilih untuk menjadi Kerajaan dan Kerajaan sudah tentu dilantik kerana rakyat percaya bahawa Kerajaan ini adalah accountable dan mewakili rakyat dalam menentukan soal accountability ataupun tidak. Oleh kerana itu maka memadai dengan perisytiharan itu dibuat kepada pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh rakyat untuk menjadi Kerajaan dan ini bermakna bahawa soal prinsip public accountability itu sudahpun dipenuhkan. Sama ada parti lawan bersetuju ataupun tidak dengan pendapat ini, parti lawan telah dapat peluang di dalam pilihanraya yang baru lepas untuk menjelaskannya bahkan ini dijadikan satu daripada tajuk yang digunakan oleh parti lawan

untuk cuba mengalahkan Kerajaan tetapi seperti kita semua maklum, pihak parti Barisan Nasional telah menang dengan kelebihan 4/5 daripada kerusi-kerusi yang ada di dalam Dewan ini, yang mana ini bermakna bahawa rakyat lebih bersetuju dengan tafsiran public accountability yang dibuat oleh parti Barisan Nasional daripada parti DAP (*Tepuk*).

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan apakah hanya dengan mengisytiharkan aset-aset para Menteri-menteri dan juga termasuk Yang Amat Berhormat sendiri hanyalah merupakan satu cara untuk mencegah rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa, nepotisme sehingga ia begitu sekali ditekankan oleh golongan parti Pembangkang terutama DAP?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perisytiharan aset ini bukanlah semata-mata satu cara sahaja yang menentukan sama ada Kerajaan ini accountable ataupun tidak kepada orang ramai. Sebenarnya perisytiharan aset ini kepada orang ramai jarang sekali dibuat oleh Kerajaan negara-negara lain, juga termasuk negara-negara yang disanjung tinggi oleh parti DAP. Jadi kita tidak nampak kenapa ini selalu ditekankan melainkan ia mempunyai tujuan mendapat political mileage, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, daripada rakyat.

Sebenarnya kita berpendapat bahawa kita telah menjalankan pemerintahan negara kita ini dengan baik dan kalau tidak maka tentulah rakyat tidak akan pilih, kerana tentulah nyata bahawa ada perkara-perkara yang tidak diinginkan yang berlaku dalam Kerajaan.

Tuan Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, bersetujukah Perdana Menteri bahawa langkah meminta para Menteri mengisytiharkan aset masing-masing tidak semestinya menghalang mereka dari rasuah. Adakah 2 orang Menteri yang telah diberhentikan, seorang dari UMNO dan seorang lagi dari Gerakan, kerana aset mereka sekarang jauh bertambah dari mula-mula mereka diisytiharkan dahulu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan pertama itu terkeluar daripada soalan asal. Yang kedua, membangkitkan perasaan salah sangka kepada Ahli-ahli Dewan ini (*Tepuk*).

Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mengambil soalan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Selepas soalan habis. Tidak payah bangun sekarang.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir)

ELMI BIN TAHIR DAN ABU HASSAN BIN SAAD— KEMATIAN

5. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Dalam Negeri memberitahu laporan yang selanjutnya mengenai kejadian pegawai polis yang telah menembak mati seorang murid sekolah, Elmi Tahir, 17 tahun dan seorang budak penjaga kereta, Abu Hassan Saad di Kuala Lumpur baru-baru ini. Bagaimanakah tindakan disiplin terhadap pegawai polis yang terlibat ini, apakah telah diberhentikan perkhidmatan mereka sepenuhnya; bagaimana pula dengan tindakan disiplin terhadap pegawai polis yang sering melakukan kekerasan dan kekejaman ke atas orang tahanannya.

22-10-1986

18. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil dari penyiasatan yang dijalankan berkenaan dengan penembakan Elmi Tahir di Kuala Lumpur pada bulan Ogos tahun ini.

23-10-1986

20. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil dari penyiasatan yang dijalankan berkenaan dengan penembakan Abu Hassan bin Saad di Kuala Lumpur pada 3hb September tahun ini.

3-11-1986

11. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah dan tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan supaya menentukan bahawa semua pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia tidak menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada mereka sewaktu menjalankan tugas menjaga keamanan awam memandangkan kes-kes tembakkan oleh Polis yang mengakibatkan kematian 2 orang awam pada hujung bulan Ogos dan awal September, 1986; dan
- (b) apakah tindakan pihak berkuasa terhadap dua anggota polis yang terlibat di dalam kes-kes tembakkan tersebut.

6-11-1986

11. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan polis terhadap kejadian murid sekolah, Elmi dan buruh kasar Abu Hassan yang ditembak oleh polis telah selésai. Jika ia, apakah hasil penyiasatan tersebut.

20-11-1986

2. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengenai insiden yang berlaku baru-baru ini, di mana dua orang belia Malaysia iaitu saudara Elmi bin Tahir dan saudara Abu Hassan bin Saat yang telah ditembak mati oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
- (b) adakah pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) diberi arahan tetap menggunakan senjata api terhadap sesiapa yang disyaki melakukan apa-apa kejadian jenayah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan-soalan dari Yang Berhormat dari Jelutong pada 22-10-86 dan 23-10-86; Yang Berhormat dari Kota Setar pada 3-11-86; Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada 6-11-86 dan Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 20-11-86.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, siasatan telah pun dibuat ke atas kedua-dua kejadian tersebut dan kesnya telah pun dibuat ke mahkamah pada 6-10-1986. Kedua-dua anggota polis berkenaan telah dituduh di bawah Seksyen 304A, Kanun Keseksaan. Mereka mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan. Mereka telah dikenakan ikat jamin sebanyak \$1,000 seorang. Kes yang melibatkan kematian pelajar Elmi bin Tahir telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 10hb hingga 13hb Februari, 1987 manakala kes yang melibatkan kematian Abu Hassan bin Saad akan disebut semula pada 5hb November, 1986.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan juga, tindakan menggantung kerja telah pun diambil ke atas kedua-dua anggota polis yang berkenaan.

Menyentuh tentang soalan Yang Berhormat dari Seputeh pada hari ini, sukalah saya memaklumkan bahawa tindakan disiplin yang setimpal akan diambil sekiranya terbukti adanya pegawai-pegawai polis melakukan kekerasan dan kekejaman ke atas orang-orang tahanan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan mengadakan apa-apa peraturan ataupun arahan kepada pihak-pihak anggota polis di masa-masa mana yang boleh pihak-pihak anggota polis menggunakan senjata api di dalam kes-kes yang berlaku.

Soalan kedua, oleh sebab peristiwa-peristiwa yang berlaku ini, adakah pihak Kerajaan akan mengadakan peraturan-peraturan baru supaya pihak anggota polis tidak membawa senjata api di dalam masa mereka bertugas dan mereka akan hanya dibenarkan membawa senjata api di masa-masa yang tertentu sahaja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, ada.

Soalan yang kedua, akan dikaji mengikut keadaan masa dan juga keadaan ketika perkara itu berlaku.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dua kes tembakan ini telah di dalam mahkamah dan Parlimen hari ini menimbulkan

perkara ini adalah merupakan sub-judice dan tidak patut kepada dua anggota polis itu. Menurut Peraturan Mesyuarat 36 (2), perkara ini, pada masa sekarang di dalam tangan mahkamah, di dalam proses pembicaraan, tidak patut ditimbulkan di sini untuk keadilan dua orang anggota polis itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa, pertanyaan-pertanyaan adakah perkara ini dibawa ke mahkamah, itu boleh dibenarkan. Tetapi facts berkenaan dengan kejadian-kejadian, kesalahan-kesalahan, siapa yang patut disalahkan, itu tidak boleh dibincangkan. Itulah yang dikatakan sub-judice.

KILANG PENAPIS MINYAK DI MELAKA

6. Drs Suleiman bin Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan selain daripada sebuah kilang penapis minyak di Kerteh, Terengganu bilakah sebuah lagi kilang penapis minyak akan dibina di Melaka dan setakat ini berapakah jumlah minyak mentah yang dihantar ke Singapura untuk diproses.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan telah bersetuju supaya PETRONAS mendirikan sebuah lagi kilang penapis minyak di Melaka, pembinaan kilang ini telah ditangguhkan ke satu tarikh yang belum ditetapkan selaras dengan dasar jimat-cermat Kerajaan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Sementara itu pihak PETRONAS sedang membuat kajian semula secara menyeluruh mengenai keperluan dan keupayaan penapisan minyak secara am dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan yang berlaku sekarang dan pada masa hadapan dalam industri petroleum.

Mengenai jumlah minyak mentah yang dihantar ke Singapura untuk diproses, perangkaannya adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Juta Tong</i>
1983	29.2
1984	27.5
1985	25.6
1986 sehingga Ogos	19.2

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negeri Sarawak mengeluarkan $\frac{1}{3}$ pengeluaran minyak mentah di negara kita, kenapa pihak Kerajaan tidak bertujuan untuk menubuhkan satu penapis minyak di negeri Sarawak itu supaya menggalakkan downstream activities, dengan izin, supaya memberi lebih faedah kepada ekonomi tempatan di negeri Sarawak.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat satu kilang penapis minyak, keupayaan satu-satu penapis itu adalah diambil kira, iaitu sama ada penggunaannya di tempat itu memerlukan atau tidak. Bagi Sarawak, kita mempunyai satu penapis minyak oleh Sarawak Shell Ltd., Jelutong, dan keupayaannya adalah boleh menampung keperluan-keperluan orang umum di Sarawak, dan tidak payah membuat lagi satu di Sarawak.

Dr Eng Seng Chai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang mana lebih ekonomik, penapis minyak di Singapura atau kilang menapis minyak tempatan? Jika lebih berekonomik di Singapura, perlukah kita membangunkan kemudahan penapisan sendiri?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, untuk mendirikan satu penapis minyak di Melaka ini masih lagi dalam pertimbangan oleh PETRONAS. Bila saya katakan

pertimbangan itu, adalah merupakan mencari cara-cara sama ada merupakan lebih ekonomik untuk mendirikan satu lagi penapis minyak di Melaka atau meneruskan pengiriman minyak mentah ke Singapura. Ini adalah salah satu daripada penyelidikan yang akan dibuat oleh PETRONAS. Sekiranya didapati kelak bahawa untuk mendirikan lagi satu penapis minyak di Melaka adalah merupakan lebih ekonomik, maka kita akan terus mendirikan penapis minyak di Melaka.

Sekiranya tidak kita akan terus mengirinkan minyak mentah ke Singapura tetapi haruslah diambil kira bahawa dalam keadaan yang sebegini, kita tertakluk kepada market movement, dengan izin. Kemungkinannya penapis minyak atau kilang-kilang minyak di Singapura akan menaikkan harga di masa akan datang. Ini semuanya akan diambil kira apabila kita mengambil keputusan sama ada akan mendirikan ataupun tidak.

PEKERJA KILANG YANG MENGGANGGUR

7. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Buruh menyatakan berapakah jumlah pekerja-pekerja kilang elektronik yang masih menganggur sehingga tahun 1985, apakah peranan Kerajaan terhadap mereka, dan berapakah jumlah yang telah dipanggil untuk bekerja kembali di kilang/syarikat yang sama.

Timbalan Menteri Buruh (Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, tidak terdapat Undang-undang Buruh yang mewajibkan mana-mana pekerja yang diberhentikan kerja termasuk pekerja-pekerja kilang elektronik untuk mendaftarkan diri dengan Kerajaan.

Dengan demikian tidak ada angka-angka yang lengkap mengenai pekerja-pekerja kilang elektronik yang dibuang kerja. Demikian juga apabila mereka ini digaji semula tidak semua daripada mereka melaporkan perkembangan ini kepada Kementerian saya.

Namun demikian, berdasarkan kepada berbagai sumber data-data yang dikumpulkan oleh Kementerian saya, menunjukkan bahawa sehingga bulan Disember, 1985 seramai 7,410 orang pekerja kilang elektronik telah diberhentikan kerja. Daripada jumlah itu seramai 623 orang pekerja telah diambil bekerja semula oleh beberapa syarikat yang sama.

Di Pulau Pinang sahaja sejauh pengetahuan Kementerian saya sepanjang tahun 1985 sehingga 31-9-1986 daripada seramai 4,814 orang pekerja elektronik yang diberhentikan kerja, 388 orang daripadanya telah digaji semula oleh kilang atau syarikat yang sama. Manakala 581 orang pekerja baru telah diambil sebagai pekerja tetap dan 370 orang diambil sebagai pekerja sementara.

Berkenaan dengan peranan Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengambil berat tentang masalah pengangguran dan pemberhentian kerja. Beberapa langkah positif telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi membantu mereka yang terlibat ini. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) menubuhkan sebuah Pasukan Petugas berdasarkan prinsip tripartisma di setiap negeri untuk menempatkan semula pekerja yang diberhentikan kerja ke dalam pekerjaan-pekerjaan baru yang sesuai di sektor awam dan swasta serta menyelaraskan program-program latihan semula yang sesuai untuk pekerja-pekerja yang berkenaan;

- (ii) menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras di peringkat Persekutuan untuk menyelaras semua aktiviti pasukan petugas peringkat negeri serta agensi-agensi Kerajaan ataupun Kementerian-kementerian lain dalam usaha untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja, terutamanya untuk memberi latihan dan latihan semula dan juga mencari pekerjaan alternatif yang sesuai; dan

- (iii) menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengatasi masalah pemberhentian pekerja-pekerja yang mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru dalam berbagai-bagai sektor ekonomi sebagaimana yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Menerusi langkah-langkah yang diambil ini adalah diharapkan dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran di dalam sektor ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menggerakkan pekerja-pekerja yang menganggur ini ke dalam sektor pertanian yang upahnya lumayan tetapi kurang insentif. Kalau ya, bila.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, memanglah menjadi dasar Kementerian ini untuk menggerakkan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja ini ke sektor yang lain yang mempunyai peluang pekerjaan seperti di ladang-ladang.

Kita telah menubuhkan apa yang dipanggil "brigid kerja" untuk memberikan peluang kepada mereka ini untuk melawat ladang-ladang supaya mereka itu dapat melihat sendiri keadaan pekerjaan di ladang-ladang. Walau bagaimanapun usaha-usaha ini tidak mendapat sambutan yang memuaskan daripada pihak yang telah diberhentikan kerja terutamanya daripada pekerja-pekerja kilang elektronik.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapa peratuskah orang menganggur dalam Malaysia sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar bahawa pekerja-pekerja kilang elektronik ini menghadapi berbagai-bagai masalah yang lain selain daripada yang telah disentuh oleh Yang Berhormat berkenaan ini tadi dan kesulitan yang dialami oleh mereka ialah oleh kerana mereka tidak dibenarkan untuk menubuhkan satu kesatuan mewakili kepentingan mereka.

Suka saya mendapat tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang hal ini dan adakah Kementerian bercadang untuk membantu pekerja-pekerja kilang elektronik ini menubuhkan sebuah Kesatuan Sekerja mewakili kepentingan mereka.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal.

PERWAKILAN DIPLOMATIK MALAYSIA—PERANAN

8. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Perwakilan-perwakilan Diplomatik Malaysia untuk mempereratkan hubungan ekonomi dengan negara-negara yang menganggotai ASEAN;
- (b) sejauh manakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri untuk menarik minat pelabur-pelabur dari negara-negara maju terhadap peluang-peluang perniagaan di Malaysia; dan
- (c) apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri untuk meninjau potensi eksport barangan Malaysia ke negara-negara Dunia Ketiga (Third World Countries) khususnya di Asia Barat dan Afrika.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya dapat menjawab soalan Yang Berhormat itu sekaligus iaitu menggabungkan (a) dan (b).

Sebagai permulaan, sukacita saya menyatakan bahawa segala usaha melabur di Malaysia oleh para pelabur dari luar negeri adalah dijalankan bersama dengan Kementerian Perdagangan dan MIDA serta agensi-agensi Kerajaan yang memainkan peranan utama di dalam aspek-aspek pelaburan di negara ini menerusi jurusan-jurusan tertentu dari luar negeri. Antara lain, langkah-langkah berikut adalah diambil:

- (i) mengenalpasti badan-badan pelaburan asing serta individu untuk menyampaikan potensi

pelaburan mereka dan dengan itu menghantarkannya ke Pejabat-pejabat Perdagangan kita di luar;

- (ii) menyampaikan penerangan berkaitan dengan kemudahan-kemudahan pelaburan di Malaysia;
- (iii) menganjurkan bersama dengan badan-badan yang diusahakan menerusi Kementerian Perdagangan, MIDA dan lain-lain, berhubung dengan pelaburan serta kemudahan-kemudahan asas pelaburan yang ada di tanahair. Juga dianjurkan seminar, forum dan dialog yang ada berkaitan dengan potensi pelaburan;
- (iv) mengadakan perbincangan dua hala bukan sahaja dengan Kerajaan-kerajaan negara luar tetapi juga dengan syarikat-syarikat swasta;
- (v) menyelaras majlis-majlis perbincangan dan dailog dengan Kementerian Perdagangan yang berkenaan di seberang laut; dan
- (vi) mengorientasikan Duta-duta serta kakitangan Missi Malaysia di seberang laut supaya mereka tidak hanya menumpukan perhatian serta tugasnya berhubung dengan diplomasi dan politik tetapi mewujudkan fahaman yang genap berhubung dengan pelaburan asing dan betapa perlunya pelaburan asing di tanahair.

Dalam konteks ASEAN, mesyuarat-mesyuarat antara dan di kalangan para Menteri Perdagangan serta Menteri-menteri Luar adalah sentiasa dijalankan. Misalnya, perjumpaan di antara Menteri-menteri Luar ASEAN dengan Menteri-menteri Luar EEC yang akan

diadakan di Jakarta tidak berapa lama lagi, adalah mengandungi perbincangan-perbincangan yang positif berhubung dengan perdagangan dua hala.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (c), Kementerian Luar Negeri telah melaksanakan beberapa usaha untuk meninjau potensi eksport barangan Malaysia ke negara-negara Dunia Ketiga khususnya di Asia Barat dan Afrika. Dalam hal ini, Kementerian saya berperanan sebagai urusetia kepada Suruhanjaya Bersama atau, dengan izin, Joint Commission yang telah ditubuhkan di antara Malaysia dengan beberapa negara sahabat seperti Turkey, Iraq, Emirate Arab Bersatu, Mali dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Bersama ini adalah ditubuhkan hasil dari Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknikal di antara Malaysia dengan negara lain. Perbincangan mesyuarat Suruhanjaya Bersama merangkumi semua aspek hubungan di antara kedua negara dengan tumpuan ke atas bidang perdagangan dan pelaburan.

Sehubungan dengan ini, Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri telah diarah melaksanakan konsep Persyarikatan Malaysia di mana di bawah konsep ini Perwakilan Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Perdagangan seringkali membantu menguruskan lawatan bagi rombongan perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan bersama.

Pegawai-pegawai Perwakilan juga mengambil peranan aktif dalam mengurus atau menyertai pameran dan pertunjukan perdagangan.

Suatu aspek yang penting diterima sebagai hakikat dan kejayaan ialah bahawa Kementerian ini telah memperjuangkan supaya cukai import barangan Malaysia di seberang laut dan di negara-negara tertentu

diusahakan sehingga berjaya. Dalam hal ini Perwakilan kita di Turkey misalnya telah berjaya mendapatkan persetujuan Kerajaan Turkey menghapuskan cukai import ke atas minyak sawit bermula 22hb Ogos, 1985. Usaha yang sama sedang dijalankan juga dengan beberapa negara yang lain.

Kementerian ini juga telah membantu FELDA memajukan perdagangan minyak sawitnya di Iraq. Perwakilan di Iraq telah memberi bantuan kepada FELDA dalam menguruskan kontrak yang telah dimenangi oleh FELDA untuk membekalkan sebanyak 215,000 tan minyak sawit ke Iraq serta melindungi dan memperluaskan pasaran minyak sawit di Iraq lebih-lebih lagi pada keadaan yang wujud pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meninjau potensi eksport barangan Malaysia ke negara-negara sahabat, Perwakilan kita di luar negeri telah diarahkan mengumpul maklumat mengenai potensi pasaran bagi Proton Saga serta mendapatkan agen-agen atau pengedar-pengedar yang sesuai bagi memasarkan kereta nasional itu.

Di negara-negara dunia ketiga yang lain, perwakilan kita telah berusaha untuk mendapat kontrak-kontrak bagi projek-projek untuk pembekalan barangan Malaysia. Semua hal ini adalah dalam maklumat Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga dan kita adalah menjalankan kegiatan secara komposit.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementeriannya mengenai jualan barangan Malaysia ke negara-negara dunia ketiga, dan yang keduanya apakah persetujuan yang dicapai dengan negara-negara seperti Indonesia yang menjadi

persaingan yang utama kepada Malaysia untuk menyelesaikan masalah barangan utama?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, masalah perdagangan komoditi ataupun barangan Malaysia di seberang laut sudah banyak diperbahaskan dan sebahagian besar daripada masalah-masalah pokok itu telah pun diketahui oleh Ahli Yang Berhormat sendiri. Sebagai jawapan ringkasnya, memadailah bagi saya menyatakan bahawa usaha-usaha bagi Malaysia memasarkan atau menjualkan barangannya di seberang laut terutama di kalangan negara-negara ketiga sedang rancak dijalankan. Namun demikian, oleh kerana iklim penjualan dan pembelian begitu merosot maka sebahagian daripada kontrak-kontrak yang dijangka akan diikat jantikan tidak muncul. Salah satu daripada contoh yang boleh saya berikan ialah bahawa ada negara-negara ketiga di Blok Afrika misalnya yang ingin membeli bahan minyak sawit dari Malaysia tetapi oleh kerana halangan dan rintangan ekonomi rumahtangganya sendiri maka pembelian itu tidak kunjung dan tidak dapat dilaksanakan.

Berhubung dengan soalan kedua tadi, memang saya akui bahawa ada semacam persaingan antara Malaysia dan Indonesia dalam ertikata bahawa negara itu mengeluarkan minyak sawit, Malaysia pun mengeluarkan minyak sawit. Tetapi dalam konteks persahabatan di kalangan negara-negara ASEAN telah ada persefahaman bahawa semua anggota-anggota ASEAN hendaklah bersamasama cuba mengatasi keperluan dan juga permintaan barangan yang diperlukan oleh satu negara dan negara yang lain. Dalam konteks ini, kita tidak boleh menjualkan minyak sawit kita ke Indonesia, malahan perlu mempunyai suatu persefahaman bagi dijualkan ke seberang laut.

Topik berhubung dengan pemasaran komoditi di ASEAN juga telah dibincangkan. Tetapi saya suka menyatakan, kesemua ini belum lagi dapat penyelesaiannya dan kita akan terus cuba memperjuangkan di peringkat perbincangan yang akan dan terus diadakan dari masa ke semasa.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat menyatakan usaha-usaha dan lawatan telah dibuat. Di sini saya ingin bertanya tentang usaha-usaha dan lawatan yang dibuat itu, berapakah pelabur-pelabur asing yang telah bersetuju hendak datang untuk membuat melaburkan ke Malaysia ini iaitu sejak tahun 1984 ke 1986 ini?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada komputer barangkali boleh saya keluarkan pada petang ini, tetapi soalan Yang Berhormat itu adalah soalan yang sebenarnya rekod disimpan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan atas notis, bolehlah saya bekalkan.

HARGA MINYAK KELAPA SAWIT—MEMULIHKAN

9. **Tuan Douglas Uggah Embas** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memulihkan harga minyak kelapa sawit memandangkan kejatuhan harga minyak kelapa sawit baru-baru ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha memulihkan harga minyak kelapa sawit negara yang amat rendah sejak bulan Ogos, 1985, beberapa langkah telah, sedang dan akan dilaksanakan khusus ke arah mengurangkan stok, meningkatkan eksport, meluaskan pasaran dan meningkatkan daya saingan (competitiveness) minyak kelapa sawit

Malaysia di samping mengukuhkan lagi ketahanan (resilience) industri kelapa sawit negara.

Langkah-langkah mengurangkan stok, meningkatkan eksport dan meluaskan pasaran minyak kelapa sawit melibatkan pelancaran strategi pemasaran yang lebih agresif dan inovatif, pengurangan dan penghapusan halangan-halangan tarif dan bukan tarif ke atas bahan berkenaan dan pemupukan kerjasama antarabangsa di kalangan negara-negara pengeluar. Di dalam hubungan ini, langkah-langkah khusus yang terlibat meliputi:

- (i) Penghantaran misi-misi teknik dan galakan pasaran minyak kelapa sawit ke luar negeri. Pada awal tahun 1986, misi-misi telah dihantar ke Hong Kong, Republik Korea, Jepun, Amerika syarikat dan United Kingdom dan misi-misi yang sama sedang dirancang ke Republik Islam Iran dan Republik Rakyat China masing-masing pada penghujung bulan Oktober dan awal bulan Disember 1986. Kementerian akan terus menghantar misi-misi ini di masa-masa akan datang sebagai langkah membantu pihak industri kelapa sawit melipatgandakan eksport bahan berkenaan.
- (ii) Memperbaiki lagi layanan kemasukan bagi minyak kelapa sawit Malaysia di pasaran-pasaran luar negeri. Daripada hasil usaha yang telah dijalankan, Jepun dan Republik Korea telah masing-masing menghapuskan dan mengurangkan duti import ke atas minyak kelapa sawit. Usaha-usaha lanjut sedang ditumpukan ke arah memperbaiki lagi layanan kemasukan bahan tersebut

Terutama sekali di negara-negara yang mengenakan duti import yang tinggi seperti Kesatuan Negara-negara Eropah, Republik Rakyat China, Thailand dan juga Iran yang merupakan satu-satunya negara yang mengharamkan pengimportan minyak kelapa sawit untuk tujuan pemakanan. Usaha-usaha juga ditumpukan kepada pembenterasan kegiatan memburuk-burukkan minyak kelapa sawit yang berlaku di beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat Republik Korea dan Pakistan.

- (iii) Menggesa negara-negara pengeluar lain supaya menghindari daripada mengamalkan dasar-dasar perdagangan tidak adil termasuk, potongan harga luar biasa (price-undercutting) dan penggunaan subsidi dan konsesi yang keterlaluan.

Langkah-langkah meningkat daya saingan (competitiveness) minyak kelapa sawit, dan ketahanan (resilience) industri kelapa sawit negara pula merangkumi beberapa aspek penting termasuk memperbaiki kemudahan-kemudahan eksport, meningkatkan produktiviti dan kecukupan industri, mengurangkan kos, mengawal mutu, meluaskan kegunaan dan tahap "versatility" minyak kelapa sawit dan memperkemas struktur industri kelapa sawit negara. Di antara langkah-langkah yang diberi keutamaan ialah:

- (i) menggantung sementara duti eksport ke atas setiap jenis minyak kelapa sawit yang diproses;
- (ii) mempertimbangkan tempoh kredit di bawah Skim Pembiayaan Semua Kredit

Eksport, Bank Negara dipanjangkan daripada 90 hari ke 180 hari;

- (iii) memperluaskan khidmat insurans eksport meliputi negara-negara yang mempunyai risiko pembayaran yang tinggi;
- (iv) meningkatkan produktiviti dari daya hasil 3.8 tan metrik sehektar ke tahap 6 tan metrik sehektar menerusi pembiakan, penggunaan benih mutu tinggi, keupayaan simpanan yang mencukupi, memperbaiki kemudahan-kemudahan asas dan pengurangan pembaziran;
- (v) mengurangkan kos pengeluaran sekurang-kurangnya \$100 setan metrik khususnya dari segi kos pembajaan dan tuaian dengan izin, harvesting serta pengurangan pembaziran di setiap peringkat;
- (vi) mengetatkan kawalan mutu ke arah pencapaian piawai (standards) yang lebih tinggi menjelang tahun 1990;
- (vii) memesatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R & D) khususnya untuk meluaskan bidang penggunaan minyak kelapa sawit baik bagi tujuan pemakanan mahupun bukan pemakanan serta kemajuan ke arah pemprosesan lanjut (downstream); dan
- (viii) menggalakkan proses integrasi di kalangan sektor-sektor di dalam industri kelapa sawit negara.

Dr Eng Seng Chai: Soalan tambahan. Saya difahamkan dalam suratkhbar Cina, Yang Berhormat Menteri ada menyuruh orang yang

menoreh getah meningkatkan upaya mereka mengeluarkan latex dengan satu peraduan toreh dan beliau akan menyampaikan pisau toreh elektrik kepada yang menang.

Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga mempunyai satu cadangan untuk mengadakan peraduan menyuruh orang yang memotong buah kelapa sawit meningkatkan keluaran mereka untuk tujuan meningkatkan harga kepala sawit, sebab "story" itu sangat "paradoxical", dengan izin, sebab saya berpendapat jika keluaran lebih bertambah, harga akan jatuh bukan meningkat!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak menjawab, jikalau tidak mahu menjawab pun tidak apa.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, dia minta getah, kemudian kelapa sawit, saya pun tidak tahu apa dia mahu (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada penjelasan di sini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pembeli minyak sawit yang utama iaitu India, sekarang ini telah mengalih pandangannya ke Indonesia. Kalau Yang Berhormat sedar, apakah usaha-usaha khusus dibuat untuk memulihkan hubungan supaya India tidak mengalih pandangannya ke Indonesia.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Negara India sebagai satu negara yang banyak membeli minyak kelapa sawit dari negara kita, mereka kadang-kadang mainkan dengan negara kita untuk mengurangkan harga minyak kelapa sawit itu. Dan dalam strategi mereka, mereka adalah menghadapi masalah pertukaran wang asing (*foreign exchange*) dan mereka selalu memintakan projek-projek atau

pembelian lebih jentera-jentera yang dikeluarkan oleh mereka dan masa kita tidak menjawabkan kepada negara India, negara India lari ke negara Indonesia, itu adalah satu strategi dalam perdagangan antarabangsa dan Kementerian saya sedar atas perkara ini dan melalui kerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kita telah mengadakan suatu strategi untuk mengadakan counter trade dengan negara India.

PENYAKIT MALARIA

10. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah penyakit Malaria di negara ini boleh dikawal, negeri manakah di Malaysia ini yang kadar penyakit Malaria ini masih tinggi peratusnya, dan adakah beliau sedar bahawa penyakit ini kebanyakannya dibawa oleh pendatang haram dari negara jiran, dan jika ada apakah tindakan untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, penyakit malaria di Malaysia adalah terkawal. Jumlah kes-kes malaria yang dikenalpasti di negara kita sudahpun berkurangan daripada melebihi 300,000 kes sebelum tahun 1967 kepada 49,000 kes dalam tahun 1985.

Penurunan ini lebih ketara lagi di Semenanjung Malaysia, di mana bilangan kes-kes malaria telah pun menurun daripada melebihi 38,000 kes dalam tahun 1971 kepada 10,000 kes sahaja di dalam tahun 1985.

Rancangan Kawalan Malaria di negara kita adalah merupakan salah satu rancangan yang terbaik di rantau ini dan penyakit ini telah pun dapat dikawal.

Negeri yang mempunyai kes yang paling banyak ialah negeri Sabah, di mana kes-kes yang dilaporkan setiap

tahun di dalam lingkungan 20 ribu hingga ke 30 ribu kes; diikuti oleh negeri Kelantan sebanyak tiga ribu hingga empat ribu kes dilaporkan setahun. Kementerian sedar bahawa masalah malaria ini juga datangnya dari negara-negara jiran, khususnya di kalangan buruh-buruh asing.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian terhadap kes-kes malaria termasuk yang datang daripada negara-negara luar dan usaha telah pun diambil untuk mengenalpasti serta merawat mereka dengan kerjasama daripada majikan-majikan mereka di mana terdapat.

Adalah dianggarkan bahawa 15-20% daripada jumlah kes-kes malaria di Malaysia adalah di kalangan buruh-buruh asing, kebanyakannya di Sabah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat berapa peratuskah daripada kes-kes ini resistant?

Yang kedua, sebenarnya daripada negara-negara jiran apakah jenis malaria yang dibawahnya?

Dato' K. Pathmanaban: Doktor menunjuk pandai, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya resistant kepada apa? Penyemburan ubat apa? D.D.T. atau berbagai macam. Tetapi sepanjang yang saya tahu belum dapat dikesan resistance kepada D.D.T. di Malaysia. Kita sedang mengawasi keadaan itu dan sentiasa mengkaji keadaannya.

Mengenai jenis malaria yang biasanya terdapat di Malaysia ini, saya rasa kebanyakannya adalah "B Falciparam".

JALAN POKOK TAMPANG KE PADANG CEMPEDAK

11. Tuan Mohammed Yussoff bin Haji Abd. Latiff minta Menteri Kerjaraya menyatakan keadaan sebenar projek-projek di bawah Kementerian beliau

terutama jalan-jalanraya yang belum ditar lagi sehingga hari ini. Jalan-jalan yang dimaksudkan ialah di Kawasan Parlimen Tasek Gelugor iaitu Jalan Pokok Tampang ke Padang Cempedak sepanjang 5 atau 6 kilometer. Pada hal jalan ini telah bermula pembinaan pada tahun 1981 dan sepatutnya telah siap dalam tempoh Rancangan Malaysia 3.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Mustaffa bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Pokok Tampang ke Padang Cempedak yang dimaksudkan itu adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa jalan itu telah dibina pada tahun 1981 ke tahap tanah merah dengan izin, laterite di bawah rancangan jalan-jalan luar bandar. Permohonan peruntukan telah pun dibuat bagi mentarkan jalan tersebut, tetapi permohonan itu telah tidak dipertimbangkan kerana kerumitan kewangan yang dialami oleh Kerajaan sekarang.

Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan betapa pentingnya hubungan Sabah dan Sarawak, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini berkenaan dengan Tasek Gelugor. Jikalau pergi ke Sabah dan Sarawak, itu tidak kenalah.

Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, tetapi berkenaan dengan jalan-jalanraya yang belum ditar. Jadi, ingin kita bertanya, bilakah jalanraya Beauford/Sindumin dan seterusnya ke Sarawak itu ditar?

Tuan Yang di-Pertua: Pokoknya bukan tar tetapi ialah berkenaan dengan jalan yang dibuat di Tasek Gelugor sepanjang 5 atau 6 kilometer.

PELEPASAN CUKAI BELAJAR DI LUAR NEGERI

12. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) apakah pengecualian cukai yang diberi kepada pembayar-pembayar cukai yang mempunyai anak-anak yang belajar di seberang laut; dan
- (ii) sama ada Menteri Kewangan berhasrat memberi pengecualian cukai yang lebih baik kepada pembayar-pembayar yang mempunyai anak-anak yang belajar di Seberang Laut memandangkan kos pelajaran di Seberang Laut kian meningkat.

Tuan Ng Cheng Kiat:

- (i) Anak-anak yang belajar di institusi pengajian tinggi di luar negeri (tidak termasuk Singapura) diberi pelepasan cukai sehingga maksima sebanyak empat kali ganda atas pelepasan biasa. Kadar pelepasan biasa ialah sebanyak \$650 bagi anak pertama, \$750 bagi anak kedua dan \$800 bagi anak ketiga hingga kelima.
- (ii) Memandangkan pelepasan sekarang adalah munasabah dan kadarnya telah dikaji semula dalam Belanjawan Tahun 1985, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda kadar-kadar berkenaan buat masa ini.

Dr Chen Man Hin: Saya ingin tahu, apakah sebab session ini tidak diberi kepada murid-murid—penuntut-penuntut yang bersekolah di Singapura?

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Singapura telah dikeluarkan kerana nama negeri itu tidak termasuk di dalam senarai pengecualian. Singapura adalah negara jiran kita.

Memandangkan perbelanjaan pelajaran di Singapura tidak banyak berbeza daripada perbelanjaan pelajaran di universiti tempatan, maka ia tidak diberi pelepasan kerana perbelanjaan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan pun tidak diberi pelepasan cukai pendapatan.

JALAN PULAU BUM-BUM SEMPORNA

13. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keperluan jalan untuk mengelilingi Pulau Bum-Bum Semporna yang didiami oleh lebih kurang 40 ribu penduduk sangat memerlukan pembinaan jalan tar yang ada sekarang ini diteruskan untuk menghubungi kampung di sekitar Pulau tersebut untuk meninggikan taraf hidup mereka dari segi perhubungan, perusahaan dan laluan anak-anak sekolah dan perhubungan satu kampung dengan kampung yang lain di Pulau berkenaan. Jika ya, bolehkah Yang Berhormat memberikan penerangan bilakah kerja-kerja pembinaan ini diteruskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari bahawa masih banyak jalan-jalan di kampung-kampung yang perlu dinaikkan tarafnya ataupun ditambah jalan-jalan baharu. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mampu hendak menyiapkan semuanya ini sekali gus. Jadi, bergantunglah kepada keadaan kewangan negara dan seperti Yang Berhormat sendiri maklum kedudukan kewangan negara pada masa ini tidak mengizinkan kita menambah pembinaan jalan-jalan baharu atau menaikkan taraf jalan-jalan kampung begitu banyak. Bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1985 dan

1986 Kerajaan Persekutuan telah pun membelanjakan lebih kurang \$1.5 juta untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung sepanjang 26.8 kilometer untuk menghubungkan 60% dari kampung di Pulau Bum-Bum di kawasan Semporna; kalau saya salah sebutkan saya minta maaf.

PENGANGGURAN PEKERJA KILANG/PEMBINAAN

14. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) sama ada pengangguran telah meningkat dengan cepat bagi semua kategori pekerjaan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memberi peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja yang telah ditamatkan pekerjaan di kilang elektronik dan pembinaan.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, (a) semenjak kemelesetan ekonomi negara kadar pengangguran telah meningkat daripada 6.0% pada tahun 1983 kepada 7.6% pada tahun 1985. (b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memberikan peluang pekerjaan adalah bukan khusus bagi bekas-bekas pekerja pembinaan dan pekerja-pekerja elektronik tetapi adalah untuk semua penganggur dan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja dalam semua sektor. Untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka, Kerajaan seperti yang dirancangan di dalam Rancangan Malaysia Kelima telah mengambil langkah-langkah positif seperti berikut:

- (i) Membina 80,000 unit rumah kos rendah setahun bagi tempoh 3 tahun supaya dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di sektor pembinaan;

- (ii) Mengubah syarat tanah-tanah lombong bagi tujuan pertanian, pembinaan jalan-jalan dan kerja-kerja kecil yang menggunakan tenaga buruh secara intensif;
- (iii) Menswastakan kegiatan-kegiatan yang terpilih serta latihan dan latihan semula penganggur-penganggur dalam bidang-bidang yang mempunyai peluang bekerja di pasaran.

Di samping itu, Kementerian saya sentiasa menggalakkan lebih ramai penganggur bekerja di ladang-ladang terutamanya di ladang getah dan kelapa sawit di mana banyak terdapat peluang pekerjaan. Di bawah usaha ini Kementerian Buruh Baru-baru ini telah melancarkan Briged Kerja bagi penganggur-penganggur yang berdaftar di Jabatan Tenaga Rakyat untuk memperkenalkan mereka kepada suasana dan kebaikan bekerja di ladang. Kementerian saya melalui Jabatan Tenaga Rakyat juga telah menyusun Program Latihan Khas yang telah bermula di Institut-institut Latihan Perindustrian pada 16-6-1986. Di bawah program Latihan Khas jangka pendek ini mereka yang menganggur akibat diberhentikan kerja akan diberi kemahiran tertentu agar dalam tempoh yang pendek dapat mereka mencari pekerjaan lain yang sesuai ataupun bekerja sendiri. Sehingga ini seramai 137 orang telah menerima faedah daripada program latihan khas ini.

Bagi jangka masa panjang, Kerajaan melalui Perbadanan Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA) pula sedang berusaha menambahkan peluang-peluang pekerjaan melalui program menggalakkan pelaburan khususnya dari luar negeri dengan mengadakan

lawatan-lawatan perdagangan, seminar pelaburan dan sebagainya terutama di negara-negara maju dan juga dewasa ini di dalam negara.

Menerusi langkah-langkah yang diambil ini adalah diharapkan dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, tumpuan Kerajaan pada hari ini ialah untuk memulihkan ekonomi melalui berbagai-bagai langkah. Dengan pemulihan semula dan perkembangan ekonomi lebih banyak peluang-peluang akan dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 15 hingga 22 adalah diberi di bawah ini)

DASAR EKONOMI BARU— PELAKSANAAN

4. **Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru sedang digantung daripada dilaksanakan (Held in abeyance) disebabkan keadaan ekonomi negara yang buruk dan jika ya, terangkan apakah maksud digantung daripada dilaksanakan (hold in abeyance) Dasar Ekonomi Baru serta berikan contoh-contoh mengenai "abeyance" Dasar Ekonomi Baru setakat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Sebagaimana yang kita semua maklum, prestasi dan kemampuan ekonomi kita pada masa sekarang sedang terjejas akibat dari kejatuhan harga barang utama di pasaran dunia dan dengan itu kita tidak lagi dapat mengharap untuk mencapai satu tingkat pertumbuhan dengan kadar 8 peratus setahun

seperti yang dijangka di dalam Rangka Rancangan Panjang (RRJP) tahun 1971-90 dahulu.

Saya ingin menegaskan bahawa asas pengagihan ialah melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat. Pada tahun 1985 dan 1986, ekonomi negara pada keseluruhannya telah tidak mencatatkan pertumbuhan yang memuaskan. Dengan perkembangan ekonomi yang jauh berbeza antara jangkaan asal dengan keadaan pada masa sekarang, maka kita terpaksa mengubahsuai strategi, program dan beberapa matlamat pembangunan negara kita, demi memberi keutamaan kepada kestabilan ekonomi dan pertumbuhan. Tanpa tahap pertumbuhan yang mencukupi kita tidak mungkin dapat melaksanakan pengagihan. Kita juga mesti sanggup membuat pengorbanan untuk membuktikan bahawa falsafah pembangunan kita adalah dinamik dan "flexible" dan bukannya "rigid" yang boleh merugikan negara. Dalam konteks inilah beberapa pengubahsuaian dalam cara pelaksanaan dan bukan matlamat DEB, perlu dibuat. Tahap, corak dan kadar pelaksanaan strategi penyusunan semula, khususnya dari segi penyertaan ekuiti, seperti yang biasa dilaksanakan oleh kedua-dua sektor awam dan sektor swasta, terpaksa diperlahankan atau jika perlu, ditangguhkan buat sementara waktu, untuk memberi keutamaan perkembangan ekonomi, khususnya peningkatan pelaburan dari dalam atau luar negeri.

Inilah, pada dasarnya, yang saya maksudkan dengan "menggantung" (hold in abeyance) DEB. Kita berharap langkah Kerajaan yang ikhlas ini akan disambut baik oleh semua pihak, terutamanya golongan pelabur luar negeri dan peniaga. Malahan Kerajaan berharap golongan ini akan melihat komitmen ini sebagai satu lagi bentuk insentif dari Kerajaan bagi mengatasi masalah pertumbuhan.

Dalam melaksanakan strategi memperlahan dan menggantungkan pelaksanaan aspek ekuiti penyusunan semula DEB, tentulah beberapa faktor yang menitikberatkan kepentingan negara perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan. Dalam soal ini Kerajaan akan mengamalkan sikap yang progresif dan pragmatik.

Satu contoh yang jelas berkaitan dengan soal menggantung DEB ialah pengumuman Kerajaan baru-baru ini mengenai syarat-syarat baru penyertaan ekuiti untuk pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia.

Saya berharap penjelasan ini dapat menghilangkan keraguan semua pihak yang berkenaan, khususnya golongan pelabur dalam dan luar negeri.

WABAK DENGGI

15. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab apa pada tahun 1986 wabak denggi telah meningkat di seluruh negara kita khususnya di Negeri Selangor, Sabah dan Sarawak dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi meringankan wabak denggi ini.

Dato' K. Pathmanaban: Memang terdapat pertambahan jumlah kes-kes denggi untuk separuh tahun pertama tahun ini seperti yang diramalkan oleh Kementerian Kesihatan di akhir tahun 1985. Sebab-sebab pertambahan ini mungkin adalah seperti berikut:

- (a) sikap "terlalu yakin dan kurang waspada" atau "complacency" yang menyebabkan meningkatkan punca pembiakan nyamuk Aedes dan menyebabkan wujudnya kolam jangkitan (infection pool).
- (b) corak perubahan epidemiologi menunjukkan terdapatnya pusingan 4 tahun sekali untuk penyakit ini.

(c) daya ketahanan yang berkemungkinan mula berkurangan di kalangan penduduk akibat kes yang berkurangan pada tahun-tahun dahulu.

Apabila dibandingkan untuk masa yang sama di tahun-tahun yang lalu, jumlah kes denggi telah meningkat di Selangor tetapi tidak di Sabah atau Sarawak, seperti ditunjuk di bawah:

Kes Denggi yang dilaporkan daripada Januari-September

<i>Negeri</i>	<i>1984</i>	<i>1985</i>	<i>1986</i>
Selangor	8	41	208
Sabah	35	5	8
Sarawak	468	35	89
Seluruh Malaysia	640	244	1,151

Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawas wabak tahun ini adalah seperti berikut:

- (i) Pendidikan Kesihatan secara menyeluruh dan intensif untuk meningkatkan kesedaran dan kerjasama di kalangan orang ramai.
- (ii) Aktiviti anti-denggi secara intensif dengan kerjasama daripada orang ramai, Majlis Perbandaran dan Kerajaan-kerajaan Tempatan.
- (iii) Pemeriksaan pembiakan nyamuk Aedes daripada rumah ke rumah secara intensif, pengurangan punca pembiakan dan penguatkuasaan undang-undang.

Kes-kes denggi yang dilaporkan di Malaysia sejak bulan Julai lalu telah pun mula kurang.

PASUKAN POLIS— PERTUMBUHAN TAHUNAN

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan nisbah yang dianggap paling sesuai di antara bilangan penduduk dengan bilangan polis yang bertugas aktif dengan secara langsungnya dalam tanggungjawab menjaga keselamatan masyarakat dan negara. Apakah nisbah yang tercapai pada masa sekarang. Apakah kadar pertumbuhan tahunan pasukan polis bermula dari tahun 1980, 1981, 1982, 1983, 1984, 1985 sehingga menjelang bulan Oktober, 1986. Apakah bilangan aduan yang diterima mengenai keganasan polis bagi tahun-tahun yang disebutkan di atas. Daripada bilangan ini, berapakah orang polis yang didapati bersalah dan seterusnya, dihadapi tindakan disiplin. Bagaimana dengan kes-kes yang lain.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayub: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada apa-apa dasar yang menetapkan sesuatu nisbah khas yang dianggap sesuai antara bilangan penduduk anggota polis. Jumlah anggota yang diwujudkan adalah berasaskan kepada keperluan tugas dan keadaan keselamatan negara kita. Bagi keperluan Malaysia, nisbah yang telah dipakai ialah satu pegawai polis untuk kira-kira 190 penduduk. Kadar pertumbuhan tahunan pasukan polis dari segi perjawatan dari tahun 1980 hingga September 1986 ialah lebih kurang 706 orang setahun atau 6.6%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dari tahun 1980 hingga September 1986, sejumlah 767 aduan dan tohmahan dari orang ramai telah diterima terhadap kekerasan dan penyalahgunaan kuasa oleh anggota polis. Daripada jumlah tersebut hanya 529 yang telah didapati berasas. Setelah siasatan dilakukan terhadap aduan-aduan tersebut, 35 orang anggota polis telah dihadapkan ke

mahkamah, dan 211 telah diambil tindakan disiplin. Sebanyak 283 aduan masih dalam penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu jelas dengan apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan bahagian akhir soalan beliau (bagaimana dengan kes-kes lain). Oleh yang demikian tidaklah dapat saya menjawab di Dewan yang mulia ini.

FELDA—PENYALAHGUNAAN DADAH

17. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar penyalahgunaan dadah adalah menjadi-jadi di rancangan-rancangan FELDA khususnya di Sendayan, Negeri Sembilan, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah bahaya ini.

Dato' Megat Junid bin Megat ayob: Kementerian saya sedar adanya masalah penyalahgunaan dadah di rancangan-rancangan FELDA termasuklah di FELDA Sendayan sendiri.

Bagi mencegah masalah tersebut, Kementerian saya melalui Jabatan Polis dengan kerjasama pihak FELDA yang berkenaan telah mengadakan serbuan-serbuan untuk mengesan penagih dan juga pengedar. Mana-mana kes yang disahkan sebagai penagih akan dikemukakan kepada Pegawai Pemulihan Dadah Kementerian saya untuk diberi rawatan dan pemulihan sama ada melalui cara pengawasan ataupun pemulihan institusi, iaitu di Pusat Pemulihan Dadah.

BEKALAN LETRIK DI MELAKA

18. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah rancangan-rancangan yang dicadangkan oleh

Kementerian beliau dalam rancangan Malaysia Kelima bagi kawasan Bahagian Kelima (Limbang dan Lawas) dan seluruh Sarawak, amnya untuk membina lebih banyak lagi stesen Mini-Hydro, memandangkan Bahagian Kelima dan Sarawak mempunyai gunung-gunung dan air terjun yang berpotensi untuk tapak bagi pembinaan mini-hydro.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Kementerian saya telah merancang untuk membina 6 buah mini-hydro di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima iaitu di Peninden di Bahagian I, di Semadang dan Batu Lintang di Bahagian Ke-2, Wong Silau di Bahagian Ke-3, Kejin di Bahagian Ke-4 dan Saliban di Bahagian Ke-5. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek-projek berkenaan adalah tertakluk kepada keupayaan kewangan negara.

CARIGALI LOGAM DI ULU KELANTAN

19. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah usaha mencarigali logam di Kawasan Ulu Kelantan, Kuala Krai setakat ini dan apakah jenis logam yang dijumpai dan bilakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Malaysia Mining Corp. (MMC) di Kawasan itu dapat dikeluarkan dan mendapat hasil kepada Kerajaan Kelantan dan Malaysia.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Jabatan Penyiasatan Kajibumi, Kementerian Perusahaan Utama telah menjalankan satu program sistematik mencarigali mineral di kawasan Kuala Krai, Kelantan. Hasil siasatan tersebut menunjukkan terdapat beberapa kawasan yang mengandungi enapan beberapa logam bes (base metals) seperti tembaga (copper), plumbum (lead) dan zinc, dan juga logam-logam bernilai (precious metals) seperti emas (gold) dan perak (silver) serta mineral

barait (barite). Kawasan-kawasan tersebut telah dikenalpasti untuk kerja-kerja siasatan susulan dan lanjutan. Laporan mengenai penilaian Jabatan tersebut telah diterbitkan dan boleh didapati oleh orang ramai yang berminat untuk menjalankan aktiviti perlombongan.

Pihak Malaysia Mining Corp. (MMC) telah menjalankan siasatan susulan di beberapa daerah di kawasan tersebut dan setakat ini hanya barait yang digunakan sebagai bahan penggerudian dalam perusahaan petroliam telah ditemui dan perlombongan sedang dijalankan buat masa ini. Memandangkan bahan tersebut digunakan di dalam negara, maka hasil adalah diperolehi oleh Kerajaan Kelantan melalui pungutan royalti.

TAMBANG FERİ MALAYSIA

20. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan Tambang Feri Malaysia dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya dengan kadar tambang mengikut kelas.

Tuan Kasitah Gaddam: Buat masa ini Kerajaan tidaklah bercadang untuk menurunkan tambang Feri Malaysia dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Sebenarnya kadar tambang yang dikenakan oleh pihak Feri Malaysia dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya adalah 30% lebih rendah dari kadar tambang kapal terbang. Struktur tambang yang disediakan ini adalah mengikut kelas dan pada kadar yang paling rendah yang boleh ditawarkan. Kadar ini pun agak sukar untuk menampung kos operasi sebenar walaupun dengan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan.

Selain daripada kadar tambang ini, pihak Feri Malaysia ada juga memberi potongan harga istimewa di antara

10% hingga 50% kepada para pesara, orang-orang cacat, penuntut-penuntut dan rombongan-rombongan besar. Potongan istimewa ini akan dijalankan secara berterusan. Sebagai usaha penggalakkan (promotion) untuk mempopularkan Feri Malaysia, pihak Syarikat Feri Malaysia menawarkan diskaun/tambang istimewa dari masa ke semasa misalnya diskaun istimewa sebanyak 30% ini ditawarkan dari sekarang hingga hujung tahun 1986. Sepanjang bulan Oktober pula, tawaran istimewa diberi kepada penumpang-penumpang dari Kuantan-Kuching—Kota Kinabalu-Kuantan dengan tambang sebanyak \$350 selama 6 hari dan bayaran ini termasuk kos makanan, tempat tidur dan pengangkutan di darat. Dengan ini jelas bahawa Feri Malaysia sentiasa memikirkan tentang kos-kos yang boleh dibiayai oleh penumpang-penumpang dan cara bagi menggalakkan lebih ramai lagi penumpang menggunakan Feri Malaysia untuk saling kunjung mengunjungi ke Sabah/Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

UCAPAN DATO' ABDULLAH AHMAD DI SINGAPURA

21. Dr Eng Seng Chai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Peguam mengkaji ucapan Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kawasan Kok Lanas, Dato' Abdullah Ahmad, yang dibuat di Singapura dan adakah Peguam Negara membuat sesuatu saranan tindakan undang-undang dari segi pelanggaran Akta Asutan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pertanyaan ini telah pun saya jawab bersama-sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka pada 8 Oktober yang lalu. Saya tidak ada apa-apa perkara yang hendak ditambah.

WANG AMANAH PROJEK— PEMULANGAN

22. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kerja Raya menyatakan kenapakah Wang Amanah Projek yang sebanyak 10% itu ditahan begitu lama, melebihi daripada tempoh yang di tetapkan untuk dipulangkan kepada pemborong satu-satu projek sedangkan projek itu telah siap dan sempurna, adakah Menteri sedar kerana kelambatan itu menyusahkan ramai pemborong-pemborong khususnya pemborong Bumiputera dan apakah tindakan Kementerian Kerja Raya untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Mustaffa bin Mohammad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ungkapan "Wang Amanah Projek" tidak pernah digunakan di dalam dokumen kontrak yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya, sebaliknya ungkapan yang sering digunakan adalah Kumpulan Wang Tahanan dan Bon Pelaksanaan.

Kumpulan Wang Tahanan adalah merupakan wang yang dipotong 10% daripada harga projek, dan wang ini akan dikembalikan kepada kontraktor selepas daripada tempoh membaiki kecacatan. Walau bagaimanapun penggunaan wang tahanan ini telah pun dimansuhkan sejak Disember 1980. Oleh itu, masalah Kumpulan Wang Tahanan ini tidak timbul lagi.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Ke

bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertuan dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh.” (13hb Oktober, 1986)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Puchong. Yang Berhormat ada 12 minit lagi.

3.31 ptg.

Dr V. David (Puchong): Tuan Yang di-Pertua, sesi Parlimen Ketiga telah dirasmikan pada masa pemerintahan Majlis Operasi Nasional dan semua tokoh-tokoh politik telah menyuarakan dengan seberapa hebatnya mustahak keadilan kepada masyarakat tidak kira rakyat kaya atau miskin. Tuntutan mereka ialah menghapuskan kemiskinan, memperbaiki susunan masyarakat tetapi konsep masyarakat adil ini telah menjadi bayangan utama dan kekalahan yang sangat memalukan.

Pihak-pihak berkenaan telah berusaha mendirikan satu kalangan jutawan dengan memajak masa depan orang miskin. Oleh sebab keadaan ini orang miskin menjadi lebih miskin dan orang kaya menjadi lebih kaya. Jutawan-jutawan tempatan selalu memberi perangsang perasaan nasionalisme dengan cogankata-cogankata yang menarik. Merekalah yang mempurak-perandakan nasib orang biasa di kampung-kampung untuk kepentingan diri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyuarakan beberapa pendapat-pendapat di atas taraf kewarganegaraan rakyat. Pendapat-pendapat ini tidaklah selaras dengan keharmonian berbilang kaum kerana orang-orang keturunan Cina dan keturunan India dibahagi-bahagikan sebagai warganegara kelas kedua. Segala pendapat-pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai sesuatu soalan atas kewarganegaraan ini hak atau kemudahan bagi pendapat saya menurut syarat-syarat Perlembagaan 1957.

Kewarganegaraan ini ialah suatu hak dan soalan kemudahan tidak berbangkit. Jika seseorang berpendapat bahawa orang keturunan Cina dan India hendak pulang ke negara asal mereka, pendapat ini ada juga meliputi ahli-ahli keluarga UMNO kerana nenek moyang mereka berasal dari India dan Cina dan Indonesia.

Sejarah telah membuktikan tanpa sebarang keraguan bahawa negara Malaysia ialah sebuah negara yang mengandungi pemastautin dari negeri-negeri lain. Data-data sejarah ada juga memberitahu siapakah orang-orang rakyat asal negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, suatu siaran akhbar dalam suratkhbar, dengan izin, The Star, telah melaporkan teks ucapan oleh Yang Berhormat Dr Goh Cheng Teik, Ahli Parlimen Nibong Tebal, di Kelab Rotary, Subang baru-baru ini. Dalam ucapannya beliau telah berpendapat bahawa, dengan izin, “UMNO ialah dalang dan parti-parti komponen seperti MCA, Gerakan dan MIC semuanya patung-patung. Mereka digunakan oleh UMNO sebagai perhiasan untuk menonjolkan konsep berbilang kaum. Orang-orang berpengetahuan sedar bahawa di Malaysia, UMNO ialah

rakan terbesar dalam Barisan Nasional, dan UMNO mendapat sebahagian bersarnya

Tuan Anwar bin Ibrahim: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan, hendak beri?

Dr V. David: Ya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya ingin bertanya bagaimana kedudukan orang-orang India dalam DAP?

Dr V. David: Ini semua orang datang dari lain negeri, bapa barangkali India (*Ketawa*).

UMNO mendapat sebahagian besar dalam kuasa politik negara tetapi seorang pemegang saham majoriti itu tidaklah harus menindih orang lain.

Keadaan ini menunjukkan tanpa sebarang keraguan bahawa seorang bekas Timbalan Menteri di Kabinet telah menunjukkan bagaimana UMNO menindas parti-parti komponen Barisan Nasional, parti-parti komponen ini tidak mempunyai kuasa untuk mengkritik dasar-dasar Kerajaan dan mereka hanya menerima segala keputusan-keputusan UMNO sahaja.

Ini mencerminkan bagaimana Kerajaan kita mentadbirkan hal-halnya dan pemimpin-pemimpin parti-parti yang mewakili kaum Cina dan India tidak mempunyai sebarang kehormatan dan tujuan asas mereka telah hilang juga.

Soalan kepincangan kaum telah dibincangkan dari semasa ke semasa jika kita memeriksa teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Mesyuarat Agung UMNO kita akan tahu perasaannya sebagai seorang

pemimpin Melayu sahaja dan bukan pemimpin Malaysia. Rakyat kaum-kaum lain hendaklah berawas-awas dalam segala kegiatan-kegiatan dan mereka mestilah menolak kepimpinan yang mengutamakan kepentingan satu kaum sahaja dan tidak mengambil perhatian di atas kesusahan kaum-kaum lain. Yang amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata demikian dalam ucapannya, izin, "Kami bersedia memberi tangan persahabatan kepada kaum-kaum lain tetapi janganlah menganggap kesabaran kami tidak terhad. UMNO ialah tulang belakang Barisan Nasional dan Kerajaan. Ini bermakna UMNO ialah anasir perintis dan hendaklah menunjukkan tauladan dalam semua bidang".

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga merujuk kepada kumpulan-kumpulan minoriti di Amerika Syarikat dari segi hak rakyat warganegara Amerika Syarikat mendapat hak sama dalam segala bidang sepertimana tercatat dalam Perlembagaan mereka dan peluang seperti ini tidak boleh didapati di Malaysia.

Kita ingin menyatakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kumpulan minoriti terdiri lebih kurang 20% daripada jumlah bilangan rakyat di Amerika Syarikat, tetapi di Malaysia bilangan rakyat mengikut pecahan kaum ialah: Keturunan Melayu—44%, keturunan Cina—40%, keturunan India—16%. Prospek pekerjaan bagi orang keturunan Cina dan India di sektor Kerajaan hampir kosong. Jawatan-jawatan tinggi dan rendah adalah di bawah kuasa susunan pemerintah. Orang-orang Cina dan India sedang hidup dengan kesusahan dan tidak mempunyai daya untuk membalas ketidakadilan ini. Kepincangan kaum telah menjadi satu peristiwa.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, atas apa?

Tuan Zubir bin Embong: Minta penerangan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penerangan, hendak beri jalan?

Dr V. David: Tetapi tidak cukup jam (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, sila duduk!

Dr V. David: Kepincangan kaum telah menjadi satu peristiwa yang biasa dan dihitungkan oleh parti berkuasa dan ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Peluang-peluang bagi kaum Cina dan India untuk mendapat jawatan-jawatan Kerajaan telah dikurangkan dan lebih kurang semua jawatan-jawatan Kerajaan ditadbirkan oleh pegawai-pegawai dari satu kaum sahaja.

Keadaan seperti ini terjadi juga dalam perkhidmatan diplomatik, pertahanan dan pasukan Polis. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong telah bertitah seperti berikut: dengan izin, "Kerajaan kita akan meneruskan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada negara dan rakyat walaupun begitu pelaksanaan sesuatu dasar itu boleh diubahsuai mengikut keadaan semasa untuk mencapai matlamat perpaduan negara".

Media Massa digunakan untuk mempamerkan imej berbilang kaum dengan propaganda dan cogan kata yang menarik tetapi ini tidak dialami oleh pihak Kerajaan. Panggilan Kerajaan bagi menyatukan kaum-kaum di negara ini ialah pengumuman kosong, satu hikayat yang seronok yang tidak mengandungi isi untuk menipu rakyat. Parti Tindakan Demokratik ingin memberi amaran Kerajaan bahawa rakyat Malaysia

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Ismail bin Said: Saya terdengar Yang Berhormat dari Pucong menyebut perkataan "menipu rakyat". Saya kira perkataan "menipu" adalah unparliamentary. Jadi saya minta Yang Berhormat dari Pucong menarik balik "menipu rakyat".

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya kena kaji betulkah atau tidak perkataan itu unparliamentary dahulu. Kalau sekiranya dibuat secara politik sebagai satu parti dikatakan menipu rakyat, saya ingat itu patut dibenarkan. Sila teruskan. (*Tepuk*).

Dr V. David: Parti Tindakan Demokratik memberi amaran kepada Kerajaan bahawa rakyat Malaysia khususnya rakyat Cina dan India tidak akan membenarkan mereka dicampak dari satu tiang kepada satu lagi. Semua rakyat Malaysia memiliki hak yang sama di atas kekayaan negara ini. Rakyat Cina dan India menuntut hak mereka sebagai pemegang saham negara ini.

Semua rakyat Malaysia berhak diperkenalkan sebagai bumiputera dan ini meliputi kaum Cina dan India. Jika sekiranya konsep perpaduan negara telah diterima sepenuhnya maka dua kelas warganegara hendaklah dihapuskan. Cogan kata negara Malaysia bersatu tidak mempunyai maksud jika rakyat diagihkan sebagai bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa Ahli Yang Berhormat sudah cukup.

Dr V. David: Lagi sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Singkatkan, dua ayat sahaja lagi.

Dr V. David: Sedikit sahaja. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, kita sangat bimbang di atas ketidakbolehan Kerajaan untuk menentukan pentadbiran undang-undang dan perintah awam. Banyak kes-kes pencurian dan pembunuhan belum diselesaikan lagi. Tiap-tiap hari kita membaca dalam surat khabar mengenai rumah-rumah yang dimasuki haram oleh pencuri-pencuri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, cukuplah itu.

Dr V. David: Terima kasih.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan dan permohonan daripada Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Atas peraturan mesyuarat berapa itu?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh, dia sudah duduk.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya minta salinan ucapannya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah duduk. Yang Berhormat dari Marang.

3.53 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, setinggi penghargaan dan junjungan kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli yang telah mengharap berbagai aspek kepentingan hidup rakyat Malaysia melewati ras, agama dan sosio budaya bertujuan memberi kesejahteraan hidup rakyat dan kemakmuran negara.

Selaku orang baru dan diberikan kesempatan untuk berucap di Dewan yang mulia ini, suka saya

menghulurkan salam perkenalan dan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli jelas sekali membuktikan kepada kita betapa besarnya mandat yang diserahkan oleh rakyat bagi kita menyelesaikan segala masalah tuntutan mereka dalam menghalu negara ke arah kestabilan politik, sosio ekonomi, budaya, agama dan lain-lain.

Dalam bidang pembangunan, pelbagai usaha sedang dijalankan oleh pemerintah bagi memberi kesenangan kepada rakyat, pelbagai projek besar dan kecil bercambah bagaikan cendawan. Namun bila diteliti secara mendalam, pembangunan di kawasan luar bandar masih lagi tidak memuaskan. Apa tidaknya, setelah negara mencapai kemerdekaan selama 29 tahun rakyat masih lagi menjerit pekik untuk mendapatkan kemudahan asas seperti jalan, api, air, telefon, balairaya dan sebagainya. Malah saban hari wakil-wakil rakyat dihujani oleh hal-hal yang sama. Saya kira hal-hal yang seumpama ini tidak seharusnya berlarutan. Usaha Kerajaan untuk menambahkan peruntukan pembangunan terutamanya yang menyentuh kemudahan asas penduduk luar bandar diharapkan akan menjadi sebuah kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian terhadap ucapan wakil tunggal PAS, Yang Berhormat wakil Parlimen dari Pengakalan Chepa yang mengkiaskan bahawa demokrasi di Malaysia adalah demokrasi ala Greek dan Yunani Purba di mana-mana suara rakyat adalah suara Tuhan. Seolah-olah pemerintah kini dianggap sebagai menjadikan rakyat sebagai Tuhan.

Label yang diberikan bermaksud pemerintah kini tidak mendasarkan pentadbirannya kepada tuntutan Ilahi

tetapi kepada rakyat. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja melabel ini adalah kerja-kerja yang telah lama dijalankan oleh PAS. Pihak di kampung-kampung atau di desa-desa, orang-orang UMNO dicop sebagai kafir, orang-orang UMNO dicop sebagai murtad, orang-orang UMNO dicop sebagai Firaun, jahiliah dan sebagainya.

Semua yang tidak menyokong dan tidak sehaluan dengan PAS dilabel dengan yang bukan-bukan, dengan yang karut marut. Sebenarnya kita tak usah hairan atau terasa kecil hati akan label ataupun cop yang diberikan oleh orang PAS itu kerana inilah kerja-kerja mereka. Mereka merasa seronok dan merasa suka hati apabila kerja-kerja yang sepatutnya dijadikan kerja-kerja Allah ini diambil oleh orang-orang PAS itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kekalahan PAS dalam pilihanraya 1986 itu bukanlah sesuatu yang mengejutkan dan bukan juga kerana penipuan dalam pilihanraya sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat wakil Pengkalan Chepa itu. PAS sebenarnya parti yang lemah. Kekalahan PAS sebenarnya banyak sebab.

- (i) Suka sangat menghukum orang, ambil kerja-kerja Allah seperti mendakwa PAS itu Islam, Islam itu PAS, kafirkan orang, toghutkan orang, Firaunkan orang dan sebagainya. Ini menyebabkan orang-orang Melayu mula menjadi keliru dan juga kacau dan apabila orang-orang Melayu menjadi kacau dan keliru, mereka mula mengkaji balik. Apabila mereka mendapati bahawa kedudukan yang sebenarnya adalah salah, maka mereka mula meletakkan seluruh kesalahan itu kepada orang-orang PAS sendiri. Apabila orang PAS

ternyata salah—orang-orang Melayu ini bukanlah bodoh sangat tidak menyokong PAS. Sebab itulah PAS kalah, bukanlah kekalahan PAS disebabkan oleh penipuan sebagaimana yang dilaungkan.

- (ii) Pas juga dibenci demikian rupa kerana ingin menggadaikan maruah seluruh bangsa Melayu kepada orang-orang yang bukan Melayu. Pakatan Chinese Consultative Committee (CCC) menjelaskan kepada kita bagaimana hak-hak Melayu, bagaimana bangsa Melayu, bagaimana Raja-raja Melayu, seluruh kekuatan Melayu cuba digadaikan kepada orang-orang yang tidak sepatutnya digadaikan. Inilah kerja yang dibuat oleh orang PAS. Maka itulah juga yang menyebabkan seluruh kekuatan orang Melayu benci PAS. Sebab itulah PAS kalah.
- (iii) PAS juga berniat buruk apabila wujudnya pakatan PAS dengan NASMA, PSRM dan SDP untuk menumbangkan Kerajaan kebanggaan rakyat. Ianya jelas cuba menafikan $\frac{2}{3}$ pemerintahan Barisan Nasional. Niat buruk sebenarnya tidak diizinkan oleh rakyat yang cintakan kedamaian dan keharmonian. Sebab itu PAS kalah, bukan kerana ugutan Barisan Nasional sebagaimana yang telah dikatakan oleh wakil tunggal PAS beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja orang Melayu tak percaya kepada PAS, tetapi bukan Melayu pun tak percaya kepada PAS. Apa tidaknya, bila calon-calon bukan Melayu dalam CCC mahu jadi calon, PAS tidak membenarkan. Jadi PAS lebih asabiah

dan pembohong kerana semasa ditubuhkan CCC kita dapati PAS berjanji untuk memberikan peluang sama rata, sama rata kepada semua kaum. Nah sekarang siapakah yang tidak adil, PAS atau UMNO?

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat wakil Pengkalan Chepa juga bercakap tentang taqwa, taqwa katanya mestilah berdasarkan kepada Quran dan Hadis. Kita ingin bertanya kepada PAS, apakah sikap pemimpin PAS yang taksub, sombong dan angkuh, berdiri dengan jubah dan serban sambil mengarah dan menuding jari kepada gurka-gurka mereka mengeluarkan fatwa dan hukum-hukum dianggap bertaqwa?

Apakah bertindak seperti samsing apabila berdepan dengan orang-orang UMNO dalam pilihanraya baru-baru ini dianggap bertaqwa? Apakah menjual kalimah Allahu-Akhbar di merata ceruk kampung di Terengganu dan Kelantan khususnya dan negeri-negeri lain amnya itu dianggap taqwa? Apakah mencemik, memaki, mengeboo ketika orang-orang UMNO bersyarah termasuk ketika membaca ayat Al-Quran itu dianggap taqwa atau apakah berarak di jalan-jalan raya dengan ratusan motokar dan ribuan motosikal sambil melanggar undang-undang negara, undang-undang yang ditetapkan oleh pemerintah sambil mencemik-cemik Polis itu dianggap taqwa? Kalau iaitulah erti taqwa yang diperjuangkan itu, saya minta supaya saudara Ahli Yang Berhormat wakil Pengkalan Chepa belajar semula, Dr Yusof Noor pun boleh ajar.

Wakil Pengkalan Chepa juga ada menyebut tentang calon-calon Barisan Nasional yang dikatakan bekas banduan, komunis, skandal seks dan lain-lain. Sebenarnya usaha dan pernyataan ini adalah bertujuan menjelaskan kepada kita bahawa orang-orang PAS kononnya baik orangnya, kita tak baik. Ini adalah

tidak lain, tidak bukan untuk memperlihatkan PAS itu alim, baik, warak, bersih, beriman dan sebagainya. Bagi kita itulah strategi lama PAS, menaikkan orang dia dan menjatuhkan orang kita. Taktik kotor dan taktik lama. Sebenarnya prestasi calon-calon PAS boleh dipertikaikan juga kalau kita mahu tetapi apalah gunanya semua itu. Tanpa kita beri tahu orang pun tahu bahawa siapakah yang lebih banyak memecah belahkan, mengadu domba masyarakat Melayu kini sehingga jadi punah ranah dalam usaha UMNO menyatukannya. Tanpa saya beritahu orang-orangnya, jawapan sudah pun kita tahu, semua orang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya di sebalik serban dan jubah itu terdapat berbagai perkara misteri yang cuba dirahsiakan dari pengetahuan masyarakat kerana gairahkan kuasa politik. Kita tidak mahu di sebalik pengenalan fizikal yang demikian terselit kegiatan dan keyakinan yang anih, karut marut dan menakutkan sehingga sahabat setia dianggap musuh, musuh sebenarnya dianggap sahabat setia.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Di sini saya ingin menyeru janganlah kepandaian dalam agama digunakan untuk mencemuh sesama Islam, janganlah apabila kita mengalami kekalahan maka kemenangan orang lain itu kita katakan sebagai satu penipuan, tidak demokratik dan malapetaka kepada umat Islam. Analisa dan siasatlah diri, jangan terantuk baru mengaduh; tak pandai menari dikatakan tanah jongkang-jongkit.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pemimpin PAS dan juga DAP suka saya menyatakan bahawa terlalu banyak nikmat yang anda telah perolehi dari pemerintahan Barisan Nasional ini, paling nyata nikmat

kemerdekaan, keamanan, kebahagiaan dan sebagainya. Oleh itu janganlah kamu tidak bersyukur, nescaya akan mendapat azab Tuhan sebagaimana Firmannya yang bermaksud: Jika kamu bersyukur nescaya Aku tambahkan lagi nikmat itu, jika kamu kufur (tidak bersyukur) nikmat itu ketahuilah bahawa azabKu amatlah pedih.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu Yang Berhormat wakil Tanjong

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada ahli bangun. Ya, nanti sekejap. Sila duduk.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tumpang satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau hendak baca ayat, biar betul, jangan baca ikut sedap.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Itu tafsiran dia sahaja, tak betul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Beberapa hari yang lalu Yang Berhormat wakil Tanjong bercakap mengenai banyak perkara. Yang Berhormat wakil Tanjong mengatakan bahawa kejayaan pilihanraya DAP 1986 ini seolah-olah menandakan perubahan yang drastik di dalam politik negara kita. Beliau mengandaikan dengan memperolehi 24 kerusi Parlimen dan 37 kerusi Dewan Undangan Negeri dari yang dipertandingkan merupakan titik perubahan sikap rakyat. Nada

ucapannya terlalu angkuh dan sombong, sekali gus Yang Berhormat wakil Tanjong mengambil kesempatan merendah-rendahkan kemenangan Barisan Nasional.

Sebenarnya kenyataan Yang Berhormat wakil Tanjong itu adalah terlalu kecil jika dilihat dari perspektif yang lebih luas. Dengan memperolehi 24 kerusi Parlimen daripada sejumlah 177 kerusi, yang sebenarnya pencapaiannya adalah terlalu kecil, sekadar 15% sahaja, malah jika dicongak-congak daripada 6 juta pengundi yang berdaftar, pencapaian 15% itu bermakna DAP hanya mampu menguasai kira-kira 900,000 orang sahaja. Ini adalah satu angka yang kecil untuk dibandingkan, sedangkan peratus pengundi yang diperolehi oleh Barisan Nasional adalah kira-kira 56%. Dengan memperolehi 24 kerusi Parlimen sebenarnya ia tidak memberi kesan kepada pemerintahan Parlimen, korum pun tak mencukupi. Jadi, kebanggaan DAP tak ubah seperti kata pepatah iaitu bagaikan anjing menyalak bukit, menyalak bangunan Parlimen tak akan runtuh, paling hebat rempoh Standing Order atau bertindak meninggalkan Dewan, cukup bulan terima gaji. Itu sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sekejap. Ya, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, anjing itu unparliamentary menurut senarai yang dikemukakan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tak kata dia anjing, saya kata pepatah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk dahulu. apa yang

saya dengar ialah satu Bahasa Malaysia yang begitu halus sekali dalam konteks peribahasa. Ini dibenarkan (*tepuh*). Sila teruskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sedarkah DAP bahawa kemenangan Yang Berhormat wakil-wakil DAP yang ada sekarang ini meninggalkan satu persoalan yang hangat diperkatakan. Rakan-rakan saya berandaian bahawa kemenangan DAP adalah atas sifat dan sikap perkauman dengan mencetuskan pelbagai isu yang kontroversi seperti kemelesetan ekonomi, skandal BMF, EPF, UMBC, perpecahan MCA, penangkapan Tan Koon Swan, runtuhnya Pan-El, Multi-Purpose, perletakan jawatan Dato' Musa, krisis ekonomi dunia dan lain-lain. Semuanya ini diambil peluang oleh DAP untuk menanggung di air keruh, menahan jerat di pergentingan, DAP mengambil peluang membuat kecaman, tuduhan, kritikan, tohmahan supaya rakyat menjadi keliru. Jelasnya, ianya bukan daripada keupayaan dan kebolehan DAP sendiri, malah isu-isu bahasa, Akta Pelajaran, Dasar Ekonomi Baru turut dimainkan bagi meracuni fikiran orang-orang Cina, kononnya orang-orang Melayu menindas orang-orang Cina, orang-orang Cina diseru supaya bangkit dan bangun mengecam segala kelemahan itu. Sekali gus DAP mengheret sama MCA dengan kecaman dan tuduhan bahawa MCA kononnya tidak memperjuangkan hak-hak orang Cina. Demikian taktik dan cara DAP bermain politik. Sebenarnya inilah bukti sahih DAPlah yang meluaskan polarisasi kaum di Malaysia. Inilah cara DAP mengundang pandangan-pandangan chauvinistik kumpulan-kumpulan lain untuk turut meluas polarisasi kaum

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sekejap, Ya, Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, boleh dapat jalan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh beri jalan tak? Minta jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tak beri, masa tak ada.

Tuan Yang di-Pertua, DAP juga turut merendahkan kemampuan Barisan Nasional memerintah negara. Katanya Barisan Nasional cuma menguasai 55% sahaja, bukan 100%. DAP mestilah ingat, sungguhpun Barisan Nasional memperolehi 55% sahaja tetapi ia berkuasa memerintah kesemua negeri dalam Malaysia, walhal dakwaan DAP bahawa Pembangkang menguasai 45% tetapi ternyata tiada satu pun negeri dalam Malaysia yang dapat diperintahnya. Jelasnya pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir yang kita kasihi berjaya mendapat kepercayaan dan mandor rakyat 100% dari seluruh negeri, walhal pihak Pembangkang yang diterajui

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sebentar. Ada Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tak perlu (*Ketawa*).

Tuan R. Karpal Singh: Susah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak beri, sila duduk!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Walhal pihak Pembangkang yang diterajui oleh DAP hanya mendapat

0% untuk memerintah mana-mana negeri di Malaysia. Sekarang sebenarnya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, satu minit sahaja lagi, sila gulung.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:siapa yang lebih dipercayai rakyat, tepuk dada, tanya kenyataan.

Begitu juga Yang Berhormat wakil Tanjong turut mempertikaikan Dasar Ekonomi Baru. Bila Yang Berhormat wakil Tanjong mempertikaikan Dasar Ekonomi Baru sedangkan masa dan ketikanya kita masih belum cukup, jelas sekali matlamat kita cuba hendak digagalkan. Inilah kerja-kerja DAP dan juga DAP turut mengatakan bahawa dominasi politik orang-orang di Malaysia ini adalah dominasi politik pada orang Melayu sahaja, Yang Berhormat dari Kok Lanas menjadi mangsa serangan DAP.

Sebenarnya apa yang diperkatakan oleh DAP itu sengaja-sengaja diadakan, kononnya takut bahawa politik orang Melayu ini dikuasai oleh orang Melayu dengan harapan satu hati nanti, satu hari kelak

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Siapa takut? Tidak takut. Boleh beri jalan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Okay, beri jalan (*Disampuk*).

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Ahli Yang Berhormat sedar apa yang ada dilafazkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas di Singapura tidak mengikut undang-undang, tetapi melanggar undang-undang khasnya Undang-undang Hasutan (Sedition). Adakah beliau sedar?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak melanggar undang-undang. Kalau melanggar Undang-undang Hasutan, sudah lama Yang Berhormat Kok Lanas ditangkap, tetapi tidak ditangkap pun (*Ketawa*).

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, boleh beri?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Itu sudah jelaslah (*Ketawa*). Sedia, boleh tanya lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Yang Berhormat dari Kok Lanas sedia dan berani bercakap apa yang beliau telah bercakap di Singapura pada 30hb Ogos tahun ini dalam negara ini, dalam Dewan atau di luar Dewan? Bolehkah Ahli Yang Berhormat boleh jamin?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, itu tanya dialah, mengapa tanya saya (*Tepuk*). Tanya pun tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kedua-dua Ahli Yang Berhormat duduk! Masa untuk Yang Berhormat dari Marang telah habis. Saya jemput Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.08 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang berucap buat

pertama kalinya di Dewan yang mulia ini setelah mencuba beberapa kali di dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sudi mencemar Duli bagi merasmikan pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Ketujuh baru-baru ini.

Setelah mengamati-amati Titah di Raja itu, walaupun ringkas tetapi mengandungi pengertian yang mendalam dan tepat serta padat isinya. Ianya menggambarkan suatu harapan yang besar dari seorang ketua negara yang cintakan rakyatnya tanpa mengira bangsa, agama dan kebudayaan supaya hidup aman dan damai dan saling hormat-menghormati antara satu dengan lain. Walaupun harapan Baginda ini menggunung tingginya, namun harapan itu kecundang juga akhirnya bila mana rakyat terus bersengkita akibat fahaman ideologi politik yang berlainan dan fahaman agama yang sempit.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh kepada beberapa perkara di dalam ucapan saya ini. Pertama sekali perpaduan antara kaum dan pembentukan satu rupa bangsa Malaysia yang bersatupadu, kukuh dan kuat nyata telah tergugat. Ini adalah disebabkan ada pihak-pihak yang terus menyuarakan nada-nada sumbang, mengungkit-ungkit perkara-perkara atau dasar yang telah dipersetujui bersama Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain.

Di samping itu terdapat pula di kalangan orang-orang Melayu sendiri khasnya parti Pembangkang Melayu terus mempengaruhi rakyat dengan menyuarakan fahaman keagamaan yang sempit dan extreme, dengan izin, serta menganggap apa juga yang dilaksanakan oleh Kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasahi adalah tidak Islamic.

Perpecahan ummah melalui penyelewengan amalan dan akidah yang bertentangan dengan doktrin Islam itu sendiri terus berlaku tanpa dapat dibantras dan diatasi.

Jabatan Perdana Menteri melalui Pusat Islam yang selalu mengadakan kursus, seminar dan forum belum dapat membendung gejala-gejala ini, kalau adapun resolusi-resolusi yang dibuat, ianya diserahkan pula kepada Majlis Fatwa Kebangsaan. Majlis Fatwa Kebangsaan pula sangat lambat mengeluarkan sesuatu fatwa dan hukum. Akibatnya rakyat di kampung terus dalam dilemma. Telah sampai masanya supaya pegawai-pegawai penyelidik yang berwibawa, yang mempunyai pengetahuan yang luas ditempatkan di Pusat ini dan keanggotaan Majlis Fatwa Kebangsaan pula hendaklah disusun kembali.

Di samping itu Kerajaan-kerajaan Negeri juga melalui Jabatan-jabatan Agama Islam masing-masing hendaklah menyusun semula struktur pentadbirannya, melengkapkan pegawai-pegawai yang berke-mampuan, cekap dan efficient, dengan izin, dalam mengendalikan sesuatu kes. Demikian juga Majlis Fatwa Negeri hendaklah dinasihatkan supaya menempatkan ahli-ahli jawatankuasanya terdiri dari mereka yang berilmu dan berpengetahuan luas merangkumi berbagai-bagai bidang keilmuan. Keadaan ini adalah penting bagi membolehkan sesuatu keputusan diambil dengan segera tanpa menunggu masa yang agak lama.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri juga hendaklah dipandang serius dan diawasi kakitangannya serta diberi keutamaan di mana perlu. Dalam hubungan ini kedudukan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang beragama Islam hendaklah dengan sendirinya memegang portfolio agama Islam itu

sendiri supaya sesuatu tindakan itu boleh dibuat dengan lebih berkesan lagi.

Mengenai rancangan hendak menempatkan Mufti-mufti sebagai ahli-ahli Exco Negeri adalah satu cadangan yang baik, tetapi Kerajaan hendaklah berwaspada dan berhati-hati sebelum melantik pegawai-pegawai tersebut. Ada baiknya kedudukan para Mufti Negeri juga dikaji semula terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendatang-pendatang haram yang telah menyebarkan agama Kristian dan mempengaruhi orang-orang Melayu di negara ini hendaklah diambil tindakan segera dan hantar mereka pulang ke negeri asalnya dengan tidak melengah-lengahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia terkenal sebagai sebuah negara Islam di dunia hari ini. Walaupun ada orang beranggapan bahawa Malaysia bukan negara Islam kerana tidak melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya, terutamanya parti PAS, tetapi umum mengetahui apa yang dilakukan oleh Kerajaan terhadap perkembangan agama Islam dan kegiatan agama Islam adalah sesuatu ke arah penghayatan agama Islam itu sendiri malah diakui pula oleh dunia Islam.

Peranan pemimpin kita seperti Perdana Menteri terhadap dunia Islam jelas dan ketara sekali. Penghormatan Kerajaan kita terhadap para sarjana dan cendekiawan Islam yang datang silih berganti ke negara ini memberi pandangan dan pendapat mereka tentang Islam menunjukkan minat Kerajaan yang mendalam ke arah mendekati Islam itu secara yang lebih meluas. Ketegasan Perdana Menteri pula dalam forum antarabangsa mengenai dunia Islam khasnya dan pergolakan dunia amnya menjadikan negara kita ini dipandang tinggi dan bermaruah dari perspektif Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan moral dan bantuan-bantuan pada masa yang lalu kepada negeri-negeri kecil Islam seperti Somalia, Mali, Maldives dan sebagainya yang ditunjukkan oleh negara kita adalah merupakan satu amalan yang baik dan inilah yang dikehendaki oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku di dalam Titah Ucapan Baginda supaya negara kita terus mempunyai hubungan yang baik dengan negara-negara Islam. Tetapi soalnya mengapakah negara-negara Islam yang lain khasnya negara-negara Arab yang kaya tidak memberi bantuan. Kementerian Luar Negeri kita dalam persidangan peringkat Menteri hendaklah bekerja lebih kuat lagi, desak negara-negara kaya itu supaya membantu negara-negara Islam yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu Malaysia melalui Perdana Menteri telah dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pendamai Perang antara Iran dengan Iraq. Apa sudah jadi dengan peranan Jawatankuasa ini? Peperangan terus berlaku di antara kedua buah negeri tersebut dan dunia Islam hari ini terus bergolak.

Tuan Yang di-Pertua, setelah menyuarakan pandangan saya kepada beberapa isu yang tersebut tadi, izinkan pula saya menyuarakan hasrat rakyat Sabak Bernam yang saya wakili. Pada masa ini penduduk luar bandar khasnya orang-orang kampung hidup dalam keadaan yang sangat susah. Ini adalah akibat kemelesetan ekonomi dan kejatuhan komoditi barangan keluaran negara kita di pasaran antarabangsa. Harga koko terus jatuh menjunam dan kelapa pula tidak berharga, kalau adapun satu dua sen sahaja sebiji. Kementerian Pertanian hendaklah berusaha dengan lebih gigih lagi bagi mencari jalan supaya harga kelapa itu dapat dinaikkan. Jesteru itu timbullah idea menggalakkan supaya meminum air kelapa muda dan pertandingan merebut Piala Mat Jenin untuk

mendapatkan kelapa muda sebanyak mungkin di mana harga pasarnya adalah jauh lebih baik dari kelapa tua.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian orang-orang kampung bahawa perbuatan memetik kelapa muda boleh menjejaskan kesuburan dan produktiviti kelapa itu sendiri dan kalau ini diamalkan, akhirnya akan menjadikan kelapa-kelapa di negeri ini menjadi pokok yang tinggi manakala buahnya tinggal sebiji dua sahaja. Kalau kajian orang-orang kampung ini didapati benar dan betul, maka terpaksa Kementerian Pertanian mencari idea baru bagi mengatasi kejatuhan harga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penanam-penanam padi pula amat malang sekali. Penyakit dan ulat yang menyerang tanaman itu silih berganti. Kalau dahulu di Dewan yang mulia ini pernah diberitahu penyakit "bena perang", "kepinding" yang merosakkan pokok-pokok padi tetapi kali ini timbul pula penyakit-penyakit baru yang dinamakan oleh petani-petani sebagai penyakit "komando", "kereta kebal" dan "combat". Nama-nama ini diberikan oleh petani-petani kerana jenis serangga itu tidak akan mati walaupun disemur dengan berbagai-bagai jenis racun serangga dan bahan kimia. Ianya sungguh kebal. Jenis serangga ini akan terus menghisap biji-biji padi yang hampir masak, kuning hujung atau yang masih bersantan sehingga isi padi itu menjadi kosong dan akhirnya menjadi hampa sahaja. Penyakit ini berlaku di beberapa tempat di kawasan Tanjung Karang, Sungai Nibong, Simpang Lima, Bukit 60 dan sudah mula pula menular ke Mukim Pancang Bedena di Sabak Bernam dan berpuluh-puluh hektar tanaman padi telah dimusnahkan. Petani-petani mengalami kerugian, padi mereka menjadi hampa dan kalau adapun yang boleh diambil dan dijual, tentulah padi itu tidak bermutu tinggi. Akibatnya LPN akan membuat

potongan yang lebih tinggi. Kementerian Pertanian adalah digesa segera bertindak bagi mencegah penyakit ini dari merebak pula ke mukim-mukim yang lain di Sabak Bernam kerana petani-petani di sini akan menghadapi musim menuai tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan infrastruktur luar bandar juga hendaklah diatasi segera. Masih banyak jalan-jalan di kawasan pilihanraya saya yang belum diturap dengan tar. Masih terdapat kampung-kampung yang belum dibekalkan dengan air paip dan masih ramai yang belum menikmati api elektrik. Kawasan-kawasan yang ada elektrik pula selalu mengalami kerosakan. Bekalan sering terputus dan kerja-kerja pembetulan pula lambat dibuat. Contohnya, kalau bekalan terputus di waktu pagi dan aduan dibuat, tunggulah menjelang senja baru diperbaiki. Kenapa terjadi sedemikian rupa—tidak cukup kakitangan atau mencari kerja lebih masa?

Demikian juga sikap Lembaga Letrik Negara yang melambatkan pemasangan meter api di kawasan-kawasan yang telah sedia untuk menerima bekalan api tersebut, kadangkala sampai menunggu 3 atau 4 bulan malah lebih barulah meter api dibekalkan, sedangkan pengguna telah membayar wang cagaran dan wang meter begitu lama. Lembaga Letrik Negara hendaklah menambah lagi pembelian meter itu kepada beberapa buah negara pengeluar barangan tersebut dan janganlah terikat kepada sebuah, dua negara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan, saya menyokong langkah Kementerian Pelajaran mengetatkan peraturan-peraturan dan disiplin di sekolah-sekolah. Disiplin ini adalah penting. Kalau tidak, penuntut-penuntut tidak akan bermarwah dan bermoral.

Mereka berani melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang sekolah, melawan guru-guru, tidak menghormati ibu bapa dan sebagainya. Akhirnya bila mereka dewasa, mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuk melakukan penyelewengan, pecah amanah, penjenayah dan sebagainya. Jadi kawalan disiplin yang ketat yang dilakukan oleh pihak sekolah adalah penting, demikian juga diharapkan supaya disiplin ini ditingkatkan di Pusat-pusat Pengajian Tinggi dan di Maktab-maktab. Disiplin yang lemah dan tanpa kawalan boleh membawa kepada pelajar-pelajar itu terlibat di dalam kegiatan yang tidak diinginkan seperti menghisap dadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi dalam Kementerian Pelajaran, adalah dicadangkan juga supaya matapelajaran sejarah hendaklah dijadikan salah satu matapelajaran wajib yang mesti dipelajari termasuk pelajar-pelajar kita yang memasuki dalam jurusan sains. Ini adalah penting kerana dengan penghayatan sejarah, rakyat negara ini akan memahami sejarah negara ini dan akan memahami dengan jelas bagaimanakah sejarah bangsa Melayu dan sejarah negara ini serta perjuangan kemerdekaan negara ini.

Akhir kata, saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat saudara dari Kuantan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau.

4.23 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Saya juga ingin mengambil bahagian dalam menyokong Usul Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan perasmian Parlimen yang ke-7 baru-baru ini.

Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara ini tanpa berbelah bahagi berdoa agar Kerajaan sekarang akan terus memerintah dengan adil dan saksama dengan mendapat taufik dan hidayat dariNya.

Saranan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk bersatu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang seharusnya mendapat perhatian yang serius dari semua pihak termasuk pihak pembangkang untuk menjamin masa depan Malaysia yang makmur.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perpaduan adalah masalah utama yang ditekankan di dalam ucapan perasmian tersebut. Masalah berkenaan bukanlah masalah Kerajaan tetapi masalah bersama untuk semua pihak dan juga pemimpin kaum di negara ini termasuk pihak Pembangkang dan juga penyokong Kerajaan. Mana-mana pihak tidak seharusnya meletakkan syarat tertentu sebelum perpaduan dapat dicapai. Kita patut mengemukakan syarat. Sebagai contoh Dasar Ekonomi Baru mestilah diberhentikan ataupun lain-lain petikan dalam Perlembagaan harus dikaji semula sebelum kita dapat berpadu. Perkara perpaduan bukanlah perkara mainan atau alat untuk mendapatkan publisiti sama ada di dalam ataupun di luar Parlimen. Masalah berkenaan sudah menjadi masalah negara dan masalah generasi akan datang demi mencapai keutuhan negara Malaysia bersatu.

Saya buat kali pertama berada di Dewan ini sebagai ahli yang boleh bercakap, berasa terkejut apabila Ketua Pembangkang membuat ucapan daripada awal sehingga akhir beliau mengkritik pihak Kerajaan terutamanya Perdana Menteri berhubung dengan perkara-perkara yang saya rasa boleh menimbulkan rasa syak wasangka dan fitnah. Ucapan tersebut terus menerus

menunjukkan bahawa Ketua Pembangkang adalah seorang chauvinist dan sikap demikian memang tidak layak untuk menjadi pemimpin berbagai kaum di negara ini.

Sebagai contoh yang pertama yang ditimbulkan ialah kononnya ada berita angin yang Perdana Menteri akan berhenti. Kalau berita angin juga hendak dimasukkan ke dalam Dewan ini sebagai sebab untuk menyakinkan semua pihak bahawa Perdana Menteri atau Kerajaan sekarang menghadapi krisis keyakinan, maka alasan-alasan tersebut tidaklah boleh diterima oleh akal yang waras. Kalau hendak kira khabar angin, saya juga mendapat banyak khabar angin berhubung dengan Ketua Pembangkang. Ada orang mengatakan DAP mempunyai hubungan yang rapat dengan PAP di Singapura dan sentiasa mendapat sokongan moral daripada parti tersebut. Dalam khabar angin juga banyak orang kata mengapa DAP sering kali mempersoalkan Kerajaan, bila Kerajaan mengkritik pergerakan Zionist, mungkin ada apa-apa dan lain-lain perkara yang berkaitan mengenainya. Ini adalah di antara khabar angin. Saya sebagai pemimpin yang bertanggungjawab atau pemimpin-pemimpin pilihan Barisan Nasional yang bertanggungjawab tidak mahu menerima khabar-khabar angin dan tidak mahu sebut nama mereka yang terlibat di Parlimen.

Perkara yang kedua yang ditimbulkan oleh Pembangkang ialah berhubung dengan thesis Yang Berhormat dari Kok Lanis yang menyatakan bahawa DEB adalah bermatlamat untuk menjadikan politik negara ini di bawah dominasi orang Melayu. Saya rasa teori berhubung dengan dominasi politik dan ekonomi Malaysia bukan merupakan thesis atau teori yang baru dan bukan sahaja ditulis oleh orang Malaysia malah banyak juga oleh orang-orang lain dan juga bangsa lain. Saya sendiri pernah

menulis perkara-perkara ini semasa berada di luar negeri dan demikian juga orang-orang yang pernah saya ingat, orang-orang dari Malaysia yang pernah menulis tentang teori ini seperti Puthucherry, Laporan World Bank dan lain-lain lagi. Malah kalau Yang Berhormat dari Tanjong baca buku dan lain-lain pihak masih ingat bahawa semasa kita mencapai kemerdekaan dahulu, antara perjanjian gentlemen yang tidak ditulis, meletakkan asas bahawa politik mestilah didominasi oleh orang Melayu, ekonomi orang Cina dan orang India. Itu pada dasarnya. Tetapi sekarang telah berubah dengan tercapainya Dasar Ekonomi Baru serampang dua mata, iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara perpaduan semula. Tiap-tiap orang kalau ingin bersatu atau ingin berkawan antara satu dengan lain mestilah wujud sikap pengorbanan dahulu atau bertolak ansur. sifat ini memang ada pada orang Melayu dan dengan usaha-usaha mereka berkumpul dengan kaum-kaum lain yang juga mempunyai sikap tolak ansur iaitu MCA, MIC, PBS, PBB, GERAKAN dan lain-lain lagi maka wujudlah Barisan Nasional yang menguasai Parlimen dalam negara ini. Kerana melalui pengorbanan akan wujud sifat hormat menghormati. Dengan itu pemimpin-pemimpin Pembangkang janganlah menganggap Kerajaan yang mereka banggakan semuanya jahat demi menjaga identiti pembangkang ataupun semua pemimpin-pemimpin Barisan Nasional adalah salah dan mesti dikritik untuk memastikan kerusi Pembangkang sentiasa terjamin. Kalau sekiranya mereka sanggup berbuat demikian dengan menunjukkan sifat pengorbanan dan hormat menghormati, saya sudah pasti pihak Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Kerajaan akan memaafkan mereka

atas sikap yang ditunjukkan oleh mereka semasa membuat ucapan di dalam dan juga di luar Parlimen.

Pembangkok-pembangkok harus mengiktiraf Perdana Menteri dan harus menghormatinya kerana beliau adalah Perdana Menteri kita bersama. Jika kita tidak menghormati Perdana Menteri kita sendiri, siapa lagi yang akan berbuat demikian ataupun mungkin Yang Berhormat tuan-tuan mempunyai Perdana Menteri yang lain yang tuan-tuan ingin hormati. Walau apapun sikap tuan-tuan, tuan-tuan adalah anak Malaysia yang berdiri di bawah payung perlembagaan yang kita terokai bersama. Sebelum terlewat, pihak Pembangkang yang belum lagi membuat ucapan, haruslah meminta teks ucapan mereka agar dibuat dalam bentuk sederhana dan janganlah mengikut emosi dan sentimen seperti ucapan Ketua Pembangkang dengan tujuan memperkecilkan pemimpin-pemimpin Kerajaan yang ada sekarang dan jangan meniru ucapan wakil dari PAS yang memikirkan mereka sahaja yang mengikut jalan Allah sementara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang beragama Islam yang telah banyak terlibat dalam rasuah dan maksiat.

Saya nasihatkan kepada wakil PAS agar berfikir tentang diri mereka sebelum bercakap mengenai orang lain kerana pentadbiran PAS juga banyak menimbulkan tandatanya, terutamanya dari segi pentadbiran wang jihad yang dikutip dari penyokong-penyokong dan orang ramai tanpa resit ataupun pengumuman kepada umum. Kita sedar bahawa wang kutipan jihad tersebut adalah hasil usaha dari orang-orang miskin, sementara ianya digunakan untuk membiayai penceramah-penceramah yang datang dengan kereta Mercedes, Pajero dan lain-lain lagi. Kalau sekiranya PAS ikhlas, mereka haruslah mengisytiharkan jumlah wang yang dikutip untuk menunjukkan bahawa

parti tersebut adalah ikhlas dan bersih dalam mentadbirkan wang yang didermakan oleh orang-orang yang menganggap bahawa perjuangan PAS sahaja jihad walaupun dalam keadaan sebenarnya belum kita mengetahui matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perpaduan ini, maka pihak Kerajaan haruslah memperkemaskinikan unit pembangunan kemanusiaan atau apa nama sekalipun di tiap-tiap Kementerian ataupun agensi. Sering kali di mana-mana yang lepas apabila kita melancarkan satu-satu program atau projek, penekanan kepada pembangunan kemanusiaan kurang diberi perhatian. Hal ini terjadi kerana Malaysia pada masa tersebut memerlukan pertumbuhan ekonomi lebih daripada aspek lain untuk memastikan penduduk luar bandar mencapai tahap ekonomi sebagaimana yang tertera dalam Dasar Ekonomi Baru.

Saya ingin mengambil satu contoh program yang menghadapi masalah di peringkat pelaksanaan dan juga hasil yang dicapai selepas pelaksanaan. Program rancangan pembangunan kampung telah dilancarkan dalam tahun 1979. Matlamat utama rancangan ini adalah untuk memberi penduduk-penduduk mendapat tempat tinggal yang baik di dalam kampung yang mempunyai infrastruktur yang cukup dan akhirnya mereka dapat menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi yang membolehkan mereka berdiri di atas kaki sendiri. Sebanyak lebih dari \$30 juta telah diperuntukkan untuk rancangan ini. Kalau diperhatikan daripada program tersebut, bila sampai ke peringkat bawah ataupun grassroots, dengan izin, banyak memberi penekanan kepada pembangunan fizikal. Sementara manusia yang menerima program tersebut tidak dapat memahami dengan luas tentang program yang hendak dijalankan.

Walaupun dalam buku panduan rancangan pemulihan kampung telah disyaratkan bahawa latihan perlu dibuat sebelum apa-apa rancangan dimulakan,

Untuk melaksanakan rancangan ini di bawah tiap-tiap kampung diletakkan seorang pegawai penggerak atau motivator, dengan izin. Apabila rancangan ini selesai selama tiga tahun dijalankan adalah diharapkan penggerak-penggerak tadi dapat menggerakkan kampung-kampung untuk maju, tetapi malangnya penggerak-penggerak tidak lagi dapat menggerakkan kampung-kampung oleh kerana elaun-elaun yang dibayar kepada mereka \$100 sebulan telah dihentikan. Elemen kewangan yang digunakan kepada penggerak tadi telah menggagalkan rancangan tersebut dan akhirnya timbul berbagai masalah di antaranya kritik-kritik dan lain-lain lagi perkara yang mereka tidak puas hati.

Pembangunan fizikal telah dapat diperbaiki tetapi manusia yang menerima program ini tidak dapat mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkan. Ini adalah salah satu daripada contoh betapa pentingnya pembangunan kemanusiaan diberi penekanan dalam apa-apa rancangan yang melibatkan penduduk-penduduk ataupun rakyat, ini termasuk juga rancangan-rancangan dibawah FELDA, FELCRA, RISDA, IDP dan juga pembangunan wilayah harus diberi perhatian tentang perkara ini.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian-kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta lain-lain Kementerian lagi yang menubuhkan unit pembangunan sosial masing-masing tetapi yang harus ditekankan bahawa unit ini harus diletakkan di bawah seorang pegawai kanan untuk mengendalikannya agar dapat memberi "command", dengan izin, kepada Jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi di bawahnya. Demikian

juga rancangan-rancangan di bawah Kampung Baru yang pada masa sekarang tidak lagi bernama demikian. Semua pihak termasuk pemimpin-pemimpin kaum hanya berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi tujuan pembangunan fizikal sahaja tanpa penekanan khusus untuk pembangunan manusia dalam kampung tersebut.

Kita jangan anggap bahawa pembinaan rumah ibadat bagi bukan Islam dan juga masjid bagi orang-orang Islam sudah dapat menjamin aspek pembangunan rohani dan pembangunan manusia ke arah yang kita kehendaki.

Sekali lagi saya sarankan bahawa Unit Sosial ataupun Pembangunan Manusia adalah penting untuk diberi perhatian. Jabatan Perpaduan Negara di Jabatan Perdana Menteri harus dikemaskini supaya ianya menjadi jabatan yang penting sama seperti jabatan-jabatan yang lain seperti Unit Perancang Ekonomi dan sebagainya.

Semua pihak harus berusaha ke arah ini termasuklah kalau perlu Unit Pembangunan Manusia di Parlimen ini sendiri untuk membolehkan semua pihak dapat hormat-menghormati antara satu dengan yang lain supaya pihak-pihak Pembangkang tidak menggunakan perkataan-perkataan yang menyindir dan sebagainya untuk mendapat publisiti.

Kita harus ingat jika sekiranya rakyat Malaysia tidak bersatu maka mereka akan bergaduh. Kalau sekiranya mereka bergaduh semua pihak akan susah bukan sahaja pihak Kerajaan malahan juga pihak pembangkang. Jadi tiada siapa yang ingin perpecahan. Dengan demikian sebagai pemimpin yang besar kita haruslah ikhlas dan pembangunan kemanusiaan haruslah diberi penekanan dalam semua program yang hendak dijalankan.

Saya harap ucapan ikhlas wakil dari Bukit Bintang adalah ucapan rasmi DAP dan bukan dari Ketua Pembangkang yang banyak meninggalkan kesan-kesan negatif, hanya akhirnya berlaku ucapan-ucapan yang tidak manis di antara kita. Jangan bercakap tentang perpaduan tetapi perbuatan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kemiskinan. Salah satu daripada aspek utama dalam Dasar Ekonomi Baru yang ditekankan dalam Titah Ucapan Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang saya ingin sentuh ialah betapa pentingnya perhatian diberikan kepada negeri-negeri yang miskin terutama kepada projek-projek yang penting yang boleh memberi manfaat dan dalam masa yang sama boleh menggerakkan aktiviti-aktiviti ekonomi penduduk-penduduk negeri yang berkenaan.

Sebagai contoh sebuah negeri di utara tanahair iaitu di Perlis, negeri yang kecil, yang luasnya 316 batu persegi dan penduduknya mencapai 160,000 orang merupakan negeri yang pertama di Malaysia di mana penduduknya terlalu ramai jika dibandingkan dengan negerinya yang kecil sementara kawasan perairannya hanya 84 batu persegi. Jadi dengan ini kita tidak dapat elak apa sahaja projek pembangunan yang bersesuaian harus diberi keutamaan. Sebagai contoh projek pelabuhan Kuala Perlis patut diberi keutamaan kerana ianya merupakan pintu masuk yang kedua yang terpenting di samping Padang Besar. Ianya merupakan jalan utama kepada penduduk-penduduk negeri Kedah dan lain-lain negeri di dalam Malaysia yang ingin melancong atau yang ingin membuat apa-apa pekerjaan di Pulau Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perairan tadi saya ingin sentuh oleh kerana ianya melibatkan nelayan-

nelayan miskin yang terdapat sebanyak 3,352 orang di sepanjang pantai negeri Perlis yang menjalankan aktiviti mereka di perairan seluas 84 batu persegi. Di antara bot-bot yang berdaftar terdapat 251 bot pukut tarik, 274 bot pukut hanyut. Pukat tarik hanya boleh menjalankan aktivitinya dalam kawasan seluas 60 batu persegi sahaja. Cuba bayangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada satu minit sahaja lagi. Sila gulung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh, sedikit sahaja. Cuba bayangkan jika semua bot-bot ini keluar yang semuanya 849 termasuk pukat jerut, ianya akan merupakan satu pesta laut dan bukan untuk pergi menangkap ikan.

Terdapat lebih daripada 5 bot bagi tiap-tiap satu batu persegi. Saya rasa ikan-ikan juga akan takut dan akan lari ke utara masuk ke Thailand dan ke selatan masuk ke kawasan perairan Kedah. Sekiranya nelayan ini masuk ke perairan tersebut mereka akan ditangkap. Apalah kiranya dapat kita satukan perairan di antara Kedah dan Perlis padahal Jabatan Perikanan Kedah dan Perlis juga tidak dipisahkan. Jadi permasalahan di negeri miskin tadi agar diberi keutamaan dan dikaji setiap aspek dan sektor yang boleh dibantu untuk meletakkan negeri-negeri yang berkenaan selaras dengan negeri-negeri yang lain.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang buruh-buruh asing yang banyak diambil di kawasan penanaman padi terutamanya di kawasan MADA. Satu usaha harus dibuat untuk memastikan penduduk-penduduk tempatan atau penganggur-penganggur tempatan diberi motivasi tertentu untuk membolehkan mereka mengambil alih usaha-usaha menanam padi yang upahnya adalah lumayan.

Inilah yang saya ingin tekankan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Buruh agar diberi kursus dalam bentuk in-situ untuk membolehkan mereka ini melihat dengan lebih dekat betapa pentingnya perusahaan tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Kepada Tuan Yang di-Pertua terima kasih daun keladi.

Beberapa Orang Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat duduk—semua sekali.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari semalam Tuan Yang di-Pertua telah memberitahu bahawa perbahasan yang akan diadakan pada hari ini hanya satu jam sahaja. Maka satu jam itu telah berakhir. Sekarang ini kita beri peluang kepada Menteri-menteri untuk menjawab hujah-hujah yang dibawa pada perbahasan Titah Ucapan Di Raja, dan dengan ini saya menjemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

4.36 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Di-Raja dalam Dewan yang mulia ini. Saya percaya ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan tetapi tidak berpeluang kerana kesuntukan masa.

Bagi sesiapa yang menghadiri persidangan Dewan ini selama empat hari yang lalu sudah tentu bersetuju bahawa kebebasan memberi pendapat

dan membuat teguran-teguran seperti yang diamalkan di bawah demokrasi masih lagi hidup subur sungguhpun ramai sceptic, dengan izin, yang cuba menidakkannya.

Dalam perbahasan atas Titah Di-Raja selama empat hari yang lalu ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap dan membangkitkan beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Tajuk-tajuk utama yang begitu popular adalah soal-soal yang berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru, masalah perpaduan dan polarisasi kaum, pilihanraya umum yang lalu, penempatan dan urusan kenaikan pangkat pegawai-pegawai perkhidmatan awam, kegiatan rasuah dalam Jabatan Kerajaan, kecekapan Kerajaan keseluruhannya dan krisis keyakinan. Di samping itu ada pula cadangan-cadangan untuk menubuhkan satu suruhanjaya Semakan Perlembagaan dan mewujudkan undang-undang melindungi wanita dan anak-anak yang kurang bernasib baik.

Saya tidaklah bercadang untuk menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan kerana ada di antaranya telah pun di jawab semasa soal jawab mulut beberapa hari yang lalu. Sungguhpun demikian, saya mengambil kesempatan untuk menyatakan dengan ikhlasnya bahawa segala pandangan, teguran dan syor yang membina itu adalah sangat dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuantan, Tanjong, Bukit Bintang, Labuan, Gaya dan Kota Belud telah menyentuh dengan panjang lebar soal polarisasi kaum dan hubungan rapatnya dengan matlamat perpaduan nasional. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap bersependapat bahawa polarisasi kaum merupakan satu bahaya yang mengancamkan kestabilan politik negara kita.

Saya suka mengingatkan bahawa polarisasi kaum bukanlah fenomena yang baru dalam masyarakat kita yang berbilang keturunan ini. Kerapkali dalam sejarah negara kita, kita telah dikejutkan untuk berhadapan dengan masalah ini dalam berbagai bentuk. Kita diingatkan dalam usaha kita untuk mengagihkan kekayaan negara, penempatan pelajar-pelajar di universiti-universiti, pengambilan pekerja-pekerja dalam sektor awam dan sektor swasta, pembahagian rumah-rumah murah dan sederhana dan banyak lagi ruang penghidupan rakyat Malaysia. Pendek kata kehidupan di dalam negara kita adalah berkisar kepada soal perkauman dan dasar-dasar Kerajaan dibentuk demikian rupa untuk menyusun semula masyarakat agar mentaliti pengenalan mengikut kaum ini dapat dihapuskan sama sekali.

Satu tren yang sungguh menggalakkan di dalam negara kita ini ialah bahawa masyarakat sudah menerima hakikat bahawa negara kita ini merupakan sebuah negara yang berbilang keturunan, yang mempunyai perbezaan-perbezaan dalam bidang-bidang seperti kebudayaan, agama, bahasa dan taraf pencapaian ekonomi. Masalah polarisasi kaum dibincang dengan terbuka oleh segenap lapisan masyarakat dan banyak pula teori-teori berkaitan dengannya diutarakan. Tetapi yang anehnya ialah terdapat keadaan di mana mereka yang mendakwa diri mereka itu sebagai pejuang multi-racialism, dengan izin, terseret ke dalam lembah perkauman apabila membincang masalah ini, lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan kaum masing-masing.

Masalah perpaduan dan perkauman selalu dilihat di sudut compartment, sekali lagi, dengan izin, satu-satu kaum itu dan tidak dari sudut nasional. Satu-satu Kerajaan yang dipilih dengan suara ramai melalui pilihanraya umum tidak mampu melihat masalah perpaduan dari sudut

teori-teori yang diutamakan semata-mata atau dari sudut satu compartment kaum sahaja. Kerajaan terlibat secara langsung dengan soal-soal dasar dan pelaksanaannya untuk mencapai matlamat perpaduan kaum. Dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran Kebangsaan misalnya adalah dasar-dasar yang menjadi tiang untuk mencapai perpaduan nasional.

Beberapa peruntukan undang-undang khasnya di dalam perlembagaan kita digubal melalui persetujuan bersama untuk menjamin dan memelihara hak-hak kaum yang terdapat dalam negara kita. Soal kedudukan istimewa orang-orangminta maaf.

Timbalan Yang di-pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak apalah kita bawa air sejuk beri Yang Berhormat.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Soal kedudukan istimewa orang-orang Melayu, soal kerakyatan, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Soal kerakyatan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekejap lagi air datang untuk Yang Berhormat (*Ketawa*).

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Soal kedudukan istimewa orang-orangdengan izin. Soal kedudukan istimewa orang-orang Melayu, soal kerakyatan orang-orang Cina dan India dan lain-lain isu sensitif di antaranya ada diperuntukkan di dalam undang-undang. Di dalam hal ini, negara kita merupakan satu negara yang unik di mana dasar-dasar Kerajaan dan perundangan negara membuat peruntukan untuk memelihara hak dan kepentingan satu-satu kaum pada setiap masa. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ketegangan antara kaum akan meningkat sekiranya kita

bersikap tidak bertanggungjawab, misalnya dengan mengungkit-ungkitkan dasar-dasar negara yang telah pun dipersetujui oleh semua kaum semasa penggubalannya dahulu. Pada pendapat saya, kita perlu balik ke asal, ke pangkal jalan, tiap-tiap kali kita berhadapan dengan masalah perkauman dan mengingatkan diri kita serta generasi muda kita akan sejarah negara kita di peringkat penubuhannya. Ingat mengingat ini harus selalu dijalankan dengan secara jujur dan ikhlas oleh semua pihak.

Usaha untuk memupuk perpaduan dan harmoni antara kaum adalah usaha bersama. Oleh hal yang demikian, Kerajaan sentiasa menyeru kepada semua pihak, baik individu mahupun badan-badan parti politik agar berhati-hati apabila menyentuh soal perkauman untuk mengelakkan tercetusnya sensitiviti rakyat pada amnya. Perpaduan kaum mungkin tidak akan dapat kita capai dalam satu atau dua generasi kita, tetapi kita boleh membantu ke arah pencapaiannya.

Ahli Yang Berhormat dari Pontian mencadangkan supaya Rukunegara dijadikan panduan untuk mewujudkan perpaduan negara. Kerajaan memanglah bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu dan sebenarnya adalah menjadi matlamat Kerajaan agar Rukunegara dapat dihayati oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap telah menyentuh mengenai Dasar Ekonomi Baru sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Dalam perkara ini, apa yang telah ditegaskan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri beberapa kali iaitu tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah tidak mustahak. Perkara yang utama dalam pembentukan Dasar Ekonomi Baru ialah matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan

tujuan mewujudkan perpaduan semua kaum di negara ini. Selagi matlamat di atas belum dapat dicapai, hasrat Dasar Ekonomi Baru akan terus dilaksanakan, lebih-lebih lagi di negeri-negeri yang masih ketinggalan dari segi pembangunan seperti Sarawak. Sungguhpun negeri Sabah dan Sarawak baru sahaja memasuki era pembangunan bersama negeri-negeri lain di Malaysia, perhatian Kerajaan untuk memajukan negeri tersebut tidak pernah diketepikan. Sebagaimana negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, Sarawak juga mendapat peruntukan yang tertentu dalam agihan perbelanjaan Kerajaan bagi tiap-tiap tahun dalam tempoh rancangan pembangunan negara.

Bagi tempoh 1976 hingga 1985, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah \$5,655.4 juta bagi berbagai program pembangunan ekonomi dan sosial termasuk pembangunan luar bandar, perindustrian, pengangkutan, perhubungan, kemudahan awam, perumahan, pelajaran dan kesihatan. Jumlah tersebut merupakan kira-kira 16% daripada jumlah perbelanjaan dari seluruh Malaysia dalam sektor-sektor tersebut. Kepentingan untuk memajukan negeri Sarawak supaya setanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia semakin ditekankan dari masa ke semasa. Buktinya peratus perbelanjaan pembangunan sosio ekonomi untuk negeri Sarawak, dari jumlah perbelanjaan pembangunan sosio ekonomi bagi seluruh Malaysia telah meningkat dari 8% bagi tempoh 1976-1980 kepada 41% bagi tempoh 1980-1985.

Hasil dari perbelanjaan yang telah dikeluarkan itu telah membawa kemajuan dalam usaha membasmi kemiskinan serta meninggikan taraf hidup rakyat. Kadar kemiskinan di Sarawak telah berkurangan daripada 56.5% pada tahun 1976 kepada 71.9% pada tahun 1984, peningkatan taraf

hidup rakyat Sarawak dapat dilihat pada tahun 1970 kepada 3.7% pada tahun 1983.

Kadar kematian bayi di Sarawak juga telah berkurangan daripada 71.1% pada tahun 1970 kepada 15% pada tahun 1983. Kadar kenal huruf pula meningkat daripada 38.3% pada tahun 1970 kepada 54.8% pada tahun 1980.

Kerajaan memang sedia maklum bahawa sekiranya dibandingkan dengan negeri-negeri lain, negeri Sarawak masih ketinggalan dalam pembangunan infrastruktur, dengan demikian pembangunan infrastruktur seperti jalanraya, bekalan elektrik dan bekalan air khususnya di sektor luar bandar di negeri Sarawak dan negeri-negeri lain yang kurang maju diberi penekanan.

Negeri Sarawak telah diberi peruntukan sebanyak 10% dari jumlah peruntukan asal bagi program jalan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan 5.8% daripada peruntukan asal bagi program menaikkan taraf jalan-jalan kampung. Bagi program bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik luar bandar pula, negeri Sarawak diberi peruntukan sebanyak 22.7% dan 8.6% daripada asal peruntukan bagi kedua-dua program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Dasar Ekonomi Baru, Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud telah membangkitkan soal peniaga-peniaga bumiputera yang tidak diberi tempat, atau ruang niaga yang secukupnya atau yang sesuai, di tempat-tempat yang strategik di pekan-pekan atau di bandar-bandar untuk menjalankan perniagaan mereka. Dalam hal ini ingin saya jelaskan buat masa ini Kerajaan melalui agensi-agensi seperti MARA, UDA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, Pejabat Kemajuan Negeri-negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain

agensi telah pun mengenal pasti dan mendirikan ruang-ruang niaga di kawasan-kawasan strategik di sekitar bandar di seluruh negara. Walau bagaimanapun Kerajaan menyedari tentang adanya gerai dan ruang niaga yang dibina di tempat yang tidak strategik dan terpencil kerana masalah mendapatkan tanah, tetapi jumlahnya tidaklah begitu ketara.

Berhubung dengan saranan untuk mengabungkan usahawan-usahawan bumiputera dan usahawan-usahawan yang bukan bumiputera di dalam konsep kerja dan pembekalan Kerajaan telah mensyaratkan supaya mengagihkan sub kontrak 30% dari harga kontrak kerja yang diperolehi oleh syarikat bumiputera.

Melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/74 definisi syarikat bumiputera ialah syarikat-syarikat yang mempunyai equity bumiputera sekurang-kurangnya 51% dan equity bukan bumiputera tidak melebihi 49%. Oleh itu usahawan bumiputera dapatlah memperolehi teknologi dari usahawan bukan bumiputera yang bergabung dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah mengesyorkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi royalti petroliaam sebanyak 20% setahun bagi negeri Sarawak berbanding dengan 5% yang diberi pada masa sekarang.

Ingin saya jelaskan bahawa Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah memberikan kuasa hak milik kepada PETRONAS bagi mengexploitasi mendapatkan dan memperolehi sumber-sumber petroleum sama ada di pantai atau di luar pantai.

Seksyen 4 Akta tersebut telah memperuntukkan sebagai balasan kepada hak milik dan kuasa yang diberikan ini, PERNAS hendaklah membuat pembayaran wang tunai kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kepada Kerajaan-kerajaan

Negeri yang mengeluarkan Petroleum. Dalam hal ini di bawah perjanjian kontrak perkongsian pengeluaran kontraktor-kontraktor PERNAS dikenakan bayaran sebanyak 10% iaitu 5% kepada Kerajaan Pusat dan 5% kepada Kerajaan Negeri yang terlibat.

Pembayaran royalti sebanyak 5% daripada Petroleum yang dikeluarkan kepada negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada letter of understanding, dengan izin, yang ditandatangani pada 27hb Mac, 1975 di antara PERNAS dan Kerajaan Negeri Sarawak. Perjanjian pembayaran royalti juga telah dibuat di antara PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Terengganu dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ketidakseimbangan harga Proton Saga di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud, saya ingin menjelaskan perbezaan harga adalah di antara \$1,700 hingga \$2,000 berdasarkan jarak jauh destinasi terakhir daripada Pelabuhan Kelang. Perbezaan harga ini telah pun mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah perkara total marketing dan distribution cost, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat itu lagi ini termasuklah pengangkutan jalan daripada ibu pejabat Proton ke Pelabuhan Kelang. Kadar tambang, kos insuran, pengangkutan, kos kendalian pelabuhan dari Pelabuhan Kelang ke Pelabuhan berkenaan di Sabah dan Sarawak dan kos pengangkutan jalan daripada pelabuhan berkenaan di Sabah dan Sarawak kepada pengedar-pengedar Proton Saga, kos sampingan seperti waxing cost, sekali lagi dengan izin untuk melindungi dari air laut, kos membaiki kereta sekiranya kerosakan berlaku dan juga kos pengangkutan jalan ke destinasi terakhir. Oleh

kerana kos-kos ini adalah kos sebenar yang perlu ditanggung oleh pihak edaran Automobile National sewajarnya harga kereta Proton Saga berbeza di antara Semenanjung Sabah dan Sarawak.

Sayugia dimaklumkan bahawa harga-harga kereta jenis lain juga berbeza pada kadar yang sama di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan soal Pilihanraya pada bulan Ogos yang lalu yang mengikut beliau telah dijalankan secara tidak adil kerana undang-undang dipinda untuk memendekkan tempoh pilihanraya, deposit pilihanraya telah dinaikkan dan persempadanan bahagian pilihanraya dibuat secara tidak adil. Saya suka menegaskan bahawa Pilihanraya yang dijalankan pada bulan Ogos yang lepas boleh dianggap sebagai paling adil dan paling demokratik. Sebenarnya Suruhanjaya Pilihanraya telah pun berusaha untuk menyediakan satu bentuk borang yang paling mudah sekali untuk mengelakkan dari terjadinya penolakan borang-borang pencalonan kerana tersilap diisi. Itupun terdapat seorang calon DAP yang tersilap mengisi borang di negeri Johor.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan soal pencapaian parti-parti politik di dalam Pilihanraya yang lalu dan dengan megah melaungkan bahawa parti DAP telah muncul sebagai parti kedua terbesar di Malaysia kalau mengikut perkiraan undi popular. Di dalam Pilihanraya yang lalu Barisan Nasional berjaya memperolehi 57.3 peratus jumlah undi Parlimen sementara DAP memperolehi 21.1 peratus manakala PAS 15.5 peratus.

Kalau DAP menganggap bahawa pencapaiannya sudah cukup membanggakan, Barisan Nasional

sendiri memikirkan ada sebab-sebab mengapa DAP sendiri harus berasa malu. Semua kawasan DAP mempunyai profail di mana pengundi-pengundinya terdiri dari majoriti bukan Melayu dan lebih ternyata lagi letaknya di kawasan-kawasan bandar yang sudah pun serba maju dari segi kemudahan-kemudahan.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, berhenti sekejap. Yang Berhormat boleh beri jalan?

Datuk Abdul Ajib bin Ahmad: Boleh.

Tuan Hu Sepang: Adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar, salah satu kawasan yang dimenangi oleh DAP iaitu Kawasan Rasah yang saya wakili, ialah terdiri dari berbilang kaum di mana pengundi-pengundi ataupun pemilih-pemilih dari keturunan Cina adalah kurang daripada 50 peratus.

Dato Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan sebenarnya ialah sebahagian besar daripada pengundi-pengundinya ataupun majoriti pengundinya terdiri daripada pengundi-pengundi bukan Melayu, bukan khasnya kepada bukan orang Cina sahaja.

Jelas sekali dari segi perjuangan parti DAP menarik pengundi-pengundi bukan Melayu dan intisari perjuangan "Malaysian Malaysia" menjadi satu laungan politik kosong sahaja. PAS pula mendapat 15.5 peratus undi yang terdiri dari undi orang-orang Melayu sahaja. Sebaliknya Barisan Nasional, bukan sahaja mendapat 57.3 peratus undi, tetapi mendapat sokongan dari semua kaum dalam negara kita ini dan lebih penting lagi merupakan parti yang diterima oleh masyarakat miskin luar bandar sebagai parti yang boleh

membela nasib mereka. Hakikat ini penting kerana kestabilan politik negara kita adalah didokong oleh masyarakat luar bandar. Di samping itu pembahagian kawasan pilihanraya adalah diasaskan untuk memberi keadilan kepada masyarakat luar bandar yang jauh ketinggalan. Kita tidak boleh memperkecilkan hasrat pengundi-pengundi luar bandar semata-mata kerana mereka serba ketinggalan dan miskin. Suruhanjaya Pilihanraya sendiri menerima hakikat ini maka sebab itulah nisbah 2:1 digunakan bagi menggubal kawasan pilihanraya di dalam negara kita ini.

Kita tidak mampu mengikut sistem popular seperti yang diamalkan di kebanyakan negara maju, kerana sistem yang sedemikian hanya akan memelihara kepentingan golongan yang berada dan mengasingkan golongan yang kurang berada dalam konteks negara sedang membangun.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong banyak juga menegur Suruhanjaya Pilihanraya, kononnya Suruhanjaya ini tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan bebas dan adil. Segala pujian harus diberikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan bebas dan adil di mana Pilihanraya Umum dapat dijalankan dengan demokratik dan di dalam aman dan tenteram.

Bagi Suruhanjaya Pilihanraya, yang penting bukanlah Parti Barisan Nasional, DAP, PAS atau parti-parti lain yang bertanding di dalam pilihanraya. Yang penting ialah sama ada rakyat yang berhak mengundi telah diberi peluang sepenuhnya untuk mengundi dan pihak yang patut menang telah diberikan haknya untuk menang dalam pertandingan itu. Hak yang demikian itu telah diperolehi dengan sepenuhnya oleh DAP dan mereka seharusnya berterima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah menjalankan pilihanraya

itu dengan adil dan saksama. Jika pilihanraya itu tidak dijalankan dengan adil dan saksama tidak mungkin parti Pembangkang seperti DAP dapat berada di dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini. Kerajaan menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan tidak bercadang untuk mengganggu urusan Suruhanjaya itu untuk menentukan bahawa suruhanjaya itu terus dapat menjalankan pilihanraya sepertimana yang telah dilakukan iaitu secara adil dan bebas.

Pindaan undang-undang seperti memendekkan tempoh di antara notis dan hari penamaan dan juga hari penamaan dengan hari pengundian adalah dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi membolehkan Suruhanjaya itu mempercepatkan proses pilihanraya bila difikirkan perlu mengikut keadaan yang wujud pada waktu itu termasuklah keadaan keselamatan. Pindaan ini bermakna bahawa pilihanraya harus diadakan di dalam masa yang singkat kerana tidak ada had masa tertentu yang menentukan Suruhanjaya itu mengadakan pilihanraya yang singkat kerana ada pembubaran dan pengeluaran notis writ pilihanraya, Suruhanjaya boleh mengambil masa seberapa yang difikirkan perlu untuk membolehkan Suruhanjaya membuat persediaan-persediaan yang perlu bagi menjalankan pilihanraya.

Kenaikan deposit pilihanraya adalah sesuatu yang dikira perlu memandangkan deposit pilihanraya yang ditentukan oleh peraturan yang lama terlampau kecil dan tidak memberi kesan dan makna kepada tujuan deposit itu diadakan. Adalah diperhatikan bahawa di dalam pilihanraya yang lepas kenaikan deposit ini telah tidak menjejaskan kedudukan calon-calon. Tambahan pula deposit ini boleh dipulangkan kepada calon-calon yang tidak hilang wang depositnya di dalam pilihanraya yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuantan telah membangkitkan perkara berkenaan dengan professional jealousy, dengan izin, di antara golongan pentadbir dengan golongan profesional dalam perkhidmatan awam. Berkenaan dengan ini, sukalah saya menjelaskan bahawa masalah ini kadangkala wujud dalam mana-mana organisasi termasuk perkhidmatan awam kita, tetapi keadaan tidaklah begitu buruk hingga menimbulkan keadaan yang tidak adil.

Kerajaan sentiasa mengawal keadaan ini dan telah mengambil langkah untuk memperbaiki kerjaya pegawai-pegawai profesional. Berkenaan dengan peluang bagi melanjutkan pelajaran bagi pekerja-pekerja Kumpulan "C" dan "D", peraturan yang sedia ada terdapat sekarang membolehkan mereka diberi cuti tanpa gaji. Penghantaran pegawai-pegawai bagi melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana ataupun Doctorate adalah dihadkan bagi kakitangan Kumpulan "A" dan ini adalah dibuat atas keperluan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah membangkitkan mengenai kekurangan anak-anak tempatan Labuan mengisi jawatan perkhidmatan awam di pejabat-pejabat Kerajaan di Labuan. Sebenarnya, jumlah kakitangan dari Semenanjung yang mengisi jawatan rendah di Jabatan-jabatan Kerajaan di Labuan masih kecil dan didatangkan atas sebab-sebab tertentu. Pengambilan anak-anak tempatan untuk mengisi kekosongan di Jabatan-jabatan Kerajaan di Labuan adalah dibuat apabila keadaan mengizinkan.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Sibu, saya suka menegaskan bahawa Kerajaan memang menggalakkan kaum Tionghua dan kaum-kaum bukan Bumiputera untuk memasuki Perkhidmatan Awam. Malah dalam

beberapa perkhidmatan, jumlah kaum bukan Bumiputera adalah melebihi kakitangan Bumiputera.

Mengenai kenaikan pangkat pula, ia tidaklah berdasarkan kepada faktor kaum. Sebaliknya kenaikan pangkat dalam Perkhidmatan Awam adalah didasarkan kepada kecekapan dan sifat-sifat peribadi pegawai-pegawai.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai ada mencadangkan bahawa berikutan dengan kemelesetan ekonomi sekarang, Kerajaan perlu mengkaji untuk mengurangkan kakitangan bagi menjimatkan kos pentadbiran negara. Sehubungan dengan ini, saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kos perbelanjaan tetapi ianya tidaklah sampai melibatkan moral kakitangan Kerajaan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut dan Pasir Mas ada meminta supaya Kerajaan tidak membenarkan Jemaah Haji pergi ke Mekah melalui Agensi-agensi Pelancongan. Dalam hubungan ini Kerajaan sudah pun menyiapkan satu kajian untuk mengetatkan peraturan-peraturan yang sedia ada yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat swasta yang ingin membawa Jemaah Haji secara persendirian. Langkah-langkah ini perlu bagi mengelakkan berlakunya lagi peristiwa Jemaah Haji yang terkandas di musim haji yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyentuh tentang amalan rasuah di Lembaga Padi dan Beras Negara yang dikatakan telah menyebabkan petani-petani kerugian berjuta-juta ringgit. Beliau menyatakan bahawa Badan Pencegah Rasuah telah gagal untuk membanteras masalah ini yang dengan sendirinya menggambarkan ketidakcekapan Badan Pencegah Rasuah itu.

Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Badan Pencegah Rasuah memang memberi tumpuan yang serius ke atas siasatan amalan-amalan rasuah di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan termasuklah Lembaga Padi dan Beras Negara. Semenjak tahun 1984 sehingga bulan September, 1986, BPR telah menjalankan siasatan terbuka terhadap 9 kes rasuah yang melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan LPN. Daripada siasatan itu 2 orang pegawai dan kakitangan LPN telah ditangkap. Di samping itu dalam tempoh yang sama, BPR telah menyediakan laporan tatatertib terhadap 7 orang pegawai LPN dan laporan-laporan itu telah dikemukakan kepada pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan bagi tindakan selanjutnya.

Sukalah saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa masalah membanteras amalan rasuah di LPN bukanlah merupakan tugas BPR semata-mata tetapi ianya juga merupakan tugas yang memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk orang ramai yang sepatutnya melaporkan permintaan wang rasuah kepada Pejabat-pejabat BPR dengan segera. Dengan kerjasama yang rapat yang diberi oleh orang ramai, BPR bolehlah mengambil tindakan yang lebih berkesan lagi mengenai masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Semakan Perlembagaan untuk menyemak semula perjalanan dan pelaksanaan perlembagaan yang telah berumur lebih daripada 30 tahun itu. Dalam hal ini suka saya tegaskan bahawa peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang ada sekarang ini dapat memenuhi aspirasi nasional untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bebas, demokratik, adil dan saksama.

Dengan itu kerajaan tidak nampak sebab-sebab mengapa Perlembagaan Persekutuan patut disemak semula bagi keseluruhannya dan Kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah membangkitkan

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tolong berhenti sekejap. Ya?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar dengan panjang lebarnya ucapan Yang Berhormat mengenai polarisasi kaum, kekurangan perpaduan dan sebagainya dan langkah-langkah yang diambil untuk mencegahnya untuk mengurangkan polarisasi. Bukankah ini salah satu faktor yang besar di mana kita hendaklah mempertimbangkan keperluan untuk menyemak semula peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan sekarang?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ialah untuk menyemak semula bagi keseluruhan Perlembagaan. Penyemakan dibuat daripada satu masa ke satu masa dalam beberapa bahagian dan peruntukan yang ada dalam Perlembagaan tetapi penyemakan semula pada pendapat Kerajaan pada keseluruhannya pada masa ini tidaklah perlu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah membangkitkan soal demokrasi dan bagaimana demokrasi itu bertentangan dengan akidah Islam dan demokrasi dalam negara kita ini

sebenarnya sudah pudar. Saya kurang pasti motif Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara ini kerana Yang Berhormat sendiri menjadi lambang membuktikan bagaimana demokrasi di dalam negara kita hidup subur dan diterima oleh masyarakat Islam.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sibu supaya undang-undang melindungi wanita dan anak-anak yang tidak bernasib baik diwujudkan, sukalah saya nyatakan iaitu di Malaysia, Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 yang berkuatkuasa pada 1hb Mac, 1982 melindungi hak-hak wanita bukan Islam selepas perceraian. Akta ini di antara lain, memperuntukkan supaya wanita yang diceraikan diberi hak terhadap harta-harta perkahwinan. Bagi wanita Islam pula, Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984, dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam bagi negeri-negeri, mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak dan lain-lain perkara berhubung dengan kehidupan keluarga Islam. Kerajaan telah menerima cadangan-cadangan dari pihak-pihak tertentu, untuk meningkatkan perlindungan wanita yang menjadi mangsa rogol. Cadangan-cadangan tersebut sedang dikaji.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran-teguran, pandangan-pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, di mana saya tidak dapat menjawab satu persatu atau menyentuhnya dengan menyebutkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya, saya memohon maaf. Walau bagaimanapun, segala perkara yang ditimbulkan itu telah dicatat dan diberi perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Dalam Negeri.

5.21 *ptg.*

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran masing-masing ke atas isu-isu dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai hal-hal berkaitan dengan Jabatan Polis, pendatang haram, kebebasan akhbar dan penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan mengenai layanan yang diberi kepada Haji Suhaimi Said yang nampaknya seperti pihak Kerajaan sengaja menyusahkan beliau. Sebenarnya walaupun beliau dihadkan berada di daerah Melaka Tengah sehingga sekarang permohonannya untuk keluar daerah atau negeri telah diberi kelulusan sewajarnya, cuma beliau sendiri sahaja yang tidak menghargainya.

Memang benar permohonan untuk keluar daerah atau negeri dari tempat yang disyaratkan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 10 hari sebelum tarikhnya, tetapi pertimbangan telah diberi oleh pihak Polis walaupun tempoh itu tidak dipatuhi oleh pemohon. Misalnya pada 9hb Oktober, 1986 Haji Suhaimi telah memohon pada jam 9.00 pagi untuk pergi ke Mentakab untuk menziarahi emak saudaranya yang meninggal dunia. Permohonan itu telah diluluskan pada jam 12.00 tengahari

pada hari yang sama. Jadi saya tidak tahulah bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan permohonan itu tidak diluluskan.

Mengenai perbicaraan di Mahkamah Alor Gajah pada 30hb September, 1986 pula, pihak Polis telah menunggu Haji Suhaimi sehingga jam 9.00 pagi untuk menyerahkan permit kebenaran keluar daerah tetapi Haji Suhaimi tiba selepas pukul 9.00 pagi dan dibenarkan juga pergi ke Alor Gajah.

Mengenai dengan perbicaraan di Mahkamah Jasin yang diadakan pada 1hb Oktober, 1986, sebenarnya tidak ada permohonan diterima.

Mengenai permohonan beliau untuk pergi ke Telok Dato' pada 13hb, 14hb dan 15hb Oktober, 1986 dan ke Taiping pada 16hb, 17hb dan 18hb Oktober, 1986 serta di Kuala Nerang pada 20hb Oktober, 1986 kesemuanya telah pun diluluskan. Di dalam kelulusan itu disebut Haji Suhaimi tidak perlu balik ke Melaka Tengah sehingga selesai urusannya di Kuala Nerang. Oleh yang demikian, tidaklah benar Yang Berhormat dari Tanjong yang menyatakan dakwaan pihak Polis tidak membenarkan Haji Suhaimi keluar dari Daerah Melaka Tengah atau negeri Melaka untuk meneruskan profesyen guamannya pada tarikh-tarikh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong merasa hairan mengapakah semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sibuk menarik pelabur Amerika ke negara kita, pihak Kementerian Dalam Negeri pula mengambil tindakan mengusir dua orang wartawan Asian Wall Street Journal, dengan izin, serta mengharamkan pengedaran akhbar tersebut.

Kementerian Dalam Negeri setelah mengkaji dengan teliti dan mendapati rencana-rencana yang ditulis oleh kedua wartawan Asian Wall Street

Journal itu boleh memudaratkan kepentingan negara, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Tindakan mengusir dua orang wartawan Asian Wall Street Journal, dengan izin, serta menggantung tiga bulan permit pendedaran akhbar tersebut di negara ini dibuat demi kepentingan negara.

Tindakan yang diambil semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sibuk menarik pelaburan Amerika ke negara ini adalah secara kebetulan semata-mata. Kerajaan berpuas hati bahawa tindakan menggantungkan permit penerbitan Asian Wall Street Journal, dengan izin, selama 3 bulan di negara ini adalah perlu dan berpatutan demi kepentingan negara dan rakyat Malaysia.

Hasil dari tindakan ini, Malaysia sebuah negara yang kecil telah mendapat publisiti yang luas di Amerika juga di dunia. Pada mulanya hanya 70 orang sahaja usahawan Amerika yang akan hadir di dalam makan tengahari yang dianjurkan oleh Missi Perdagangan Malaysia di New York. Dengan keluarnya berita tindakan kita 200 orang usahawan Amerika telah menghadiri makan tengahari tersebut di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberi peluang dan publisiti yang luas menerangkan keadaan yang sebenarnya tentang negara kita. Berikutan dengan tindakan itu, maka pas kerja dua orang wartawan berkenaan telah ditamatkan dan mereka dikehendaki meninggalkan negara ini. Pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini boleh mendapat maklumat dan penerangan yang lengkap dari sumber-sumber lain dari dalam atau luar negeri.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, sebentar. Beliau minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pelabur-pelabur asing mempunyai wang yang banyak dan maklumat-maklumat dan data-data boleh dikumpul oleh mereka tanpa mendengar atau membaca cerita-cerita seperti daripada Asian Wall Street Journal. Mereka ada rangkaian sendiri untuk mendapat maklumat-maklumat ini.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila tindakan itu diambil dan ketika Yang Amat Berhormat pergi ke Amerika dengan emosi yang sangat tinggi, maka beliau pun ada menghadapi kesudahan kerana emosi itu kerana banyak bantahan dan sebagainya. Bukankah itu menjejaskan imej Malaysia?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertolak pada 24 haribulan tetapi pada 25hb dan 26hb sengaja dikeluarkan artikal-artikal yang menjejaskan negara kita. Ini sudah membuktikan bahawa artikal-artikal itu sengaja dikeluarkan untuk memburukkan negara kita dan juga Perdana Menteri kita. Sebelum perkara itu berlanjutan, tindakan ini adalah elok kerana bagi saya, "kera di hutan jangan disusui, anak dikendong makan kenyang". (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuantan telah menyentuh tentang kegiatan penyeludupan dadah. Beliau telah meminta supaya pihak berkuasa membuat pemeriksaan yang lebih

kerap ke atas bukan sahaja nelayan-nelayan asing tetapi juga nelayan-nelayan tempatan yang mungkin mengambil kesempatan melakukan penyeludupan dan pengedaran dadah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pihak Polis, Kastam dan Unit Pencegah Penyeludupan dan agensi-agensi lain yang berkaitan telah meningkatkan usaha mereka untuk memintas bot-bot yang disyaki membawa masuk dadah melalui jalan laut. Usaha-usaha ini termasuklah meningkatkan rondaan-rondaan dan kawalan laut di kawasan persisiran pantai dan muka-muka kuala yang disyaki menjadi jalanan untuk menyeludup dadah ke dalam negara ini. Di samping itu rancangan-rancangan sedang diatur untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemampuan agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan dengan memperlengkapkan lagi keperluan-keperluan logistik dan mengadakan kursus-kursus latihan, penguatkuasaan yang khusus bagi mengawasi, memintas dan mengesani bot-bot yang dipercayai membawa dadah termasuklah bot-bot nelayan asing dan tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai pula telah menyentuh tentang penangkapan 40 orang pelajar di Perlis dan 30 orang penuntut di ITM, Selangor berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Beliau telah mengesyorkan supaya siasatan yang terperinci dibuat ke atas pengedaran dan penyalahgunaan dadah di pusat-pusat pengajian tinggi dan seterusnya supaya pengedar-pengedar dadah di pusat-pusat pengajian tinggi berkenaan ditahan.

Untuk makluman Yang Berhormat itu, sukalah saya nyatakan bahawa pihak-pihak berkuasa sedang menjalankan siasatan yang rapi ke atas gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah di pusat-pusat pengajian tinggi yang berkenaan dan

tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas pihak-pihak yang berkaitan.

Di samping itu, sukalah juga saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pelajaran serta institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini sedang merancang satu rangkaian program pendidikan pencegahan dadah yang lebih tersusun untuk sekolah-sekolah menengah, institusi-institusi latihan guru serta institusi-institusi pengajian tinggi yang lain sebagai langkah-langkah positif untuk mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sibul telah menyentuh tentang kelewatan pihak Kementerian Dalam Negeri memproses permohonan-permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan daripada mereka yang layak. Beliau menegaskan bahawa ada permohonan yang mengambil masa sehingga 12 tahun untuk diproses tetapi masih belum dibuat keputusan.

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian ini memerlukan masa untuk menentukan yang seseorang pemohon itu memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Dalam proses penyemakan ini kadangkala pemohon perlu dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut dan terdapat pemohon-pemohon yang tidak memberi jawapan dengan kadar segera dan ini telah melibatkan kelewatan kerana surat-surat yang dihantar kepada pemohon tidak dapat diserahkan kepada pemohon berkenaan kerana mereka telah berpindah tanpa memberitahu alamat terbaru. Berkaitan dengan tohmah yang mengatakan masih ada permohonan yang belum dapat diselesaikan dalam masa 12 tahun itu, pada masa ini tidak ada lagi kes-kes yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Gaya, Sabah telah menyentuh tentang isu pendatang haram yang terdapat di Sabah yang menurut anggarannya berjumlah 400,000 orang. Beliau juga mendakwa 100,000 orang pendatang haram telah diberi kad pengenalan biru. Beliau seterusnya menyeru agar Kerajaan Pusat mengusir dan menghantar semua pendatang haram pulang ke negara asal. Jika Kerajaan Persekutuan tidak dapat menyelesaikan masalah ini, beliau berharap Kerajaan Persekutuan memberi kuasa penuh kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi menyelesaikan masalah ini.

Kementerian Dalam Negeri suka menegaskan bahawa tiada siapa pun yang tahu jumlah pendatang haram kerana mereka itu masuk secara haram. Oleh itu, bilangan 400,000 orang pendatang haram yang disebut oleh Yang Berhormat dari Gaya itu adalah satu anggaran peribadi yang subjektif. Jika benar mereka pendatang haram, mereka adalah tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada dan tindakan akan diambil ke atas mereka untuk menangkap mendakwa dan diusir apabila dikesan, Kementerian saya akan terus mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pendatang haram, baik di Semenanjung, Sabah ataupun Sarawak. Kementerian saya juga

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat kata angka anggaran daripada Yang

Berhormat Gaya itu tak betul. Yang Berhormat, apakah angka Kerajaan untuk bilangan pendatang haram di situ dan selain daripada tindakan-tindakan yang dilaung-laungkan tadi mengapa bilangan pendatang haram itu masih meningkat di Sabah dan di seluruh negara?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak tahulah benda haram ini memang tak boleh hendak bilang—tak boleh hendak bilang sebab benda itu haram. Jadi, sukar hendak dibilang, Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian saya juga mengingatkan Yang Berhormat supaya tidak terkeliru dengan kedudukan warganegara asing di Sabah yang pada hakikatnya mereka diberi taraf pelarian dan diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Mereka dibenarkan tinggal sementara atas dasar peri kemanusiaan sambil menunggu untuk pulang ke negara asal mereka apabila keadaan sesuai untuk berbuat demikian.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka diberi taraf pelarian, bukan haram lagi (*Ketawa*). Kalau bukan haram, mengapa tak tahu bilangannya.

Seorang Ahli: Betul! betul!

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya tadi, dalam perenggan ini tidak ada sepatah menyebut pendatang haram. Saya mengatakan bahawa kedudukan warganegara asing. Takkanlah Yang Berhormat begitu sekali pekak (*Tepuk*). Terima kasih.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat yang 100,000 orang pendatang haram di Sabah telah diberi kad pengenalan biru, Kementerian saya memandang serius dakwaan ini. Saya mohon Yang Berhormat jika dapat memberikan maklumat lanjut mengenai perkara ini untuk membolehkan Kementerian saya menyasiat secara mendalam. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan mampu dan berjaya menghadapi masalah pendatang haram di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Marudu telah menyentuh mengenai keadaan keselamatan di Pantai Timur Sabah dan menggesa supaya ditingkatkan rondaan oleh Pasukan Keselamatan bagi mencegah penyeludupan senjata api dan membanteras kemasukan pendatang haram.

Kerajaan sememangnya berusaha membanteras kegiatan penyeludupan senjata api bukan sahaja di Pantai Timur Sabah tetapi meliputi seluruh Semenanjung dan juga kawasan-kawasan lain di Sabah dan Sarawak. Tumpuan bukan sahaja di kawasan perairan negara tetapi juga di kawasan darat di sempadan darat kita. Jabatan PDRM (Polis Diraja Malaysia) sememangnya berusaha mendapatkan maklumat-maklumat risikan dan mengemaskinikan segala maklumat tersebut bagi disalurkan kepada cawangan-cawangan Polis termasuk Polis Marin bagi mengadakan operasi-operasi yang lebih berkesan di kawasan perairan negara kita bagi menangkap mereka yang terlibat dalam penyeludupan senjata api. Bagi tujuan tersebut bot-bot Polis Marin akan diperlengkapkan dengan peralatan yang lebih moden dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut telah menyentuh tentang masalah-masalah yang dihadapi mengenai dengan penerimaan masyarakat terhadap

penagih-penagih yang telah menjalani rawatan dan pemulihan. Beliau juga membuat saranan supaya sebuah kawasan dikenalpasti bagi menempatkan penagih-penagih dadah melalui kehidupan secara bercucuk tanam. Kerajaan menyedari bahawa masih terdapat prasangka atau prejudice, dengan izin, masyarakat terhadap penagih-penagih yang dibebaskan dari Pusat-pusat Pemulihan Dadah. Sikap ini timbul adalah disebabkan mereka masih tidak yakin di atas kebolehan bekas-bekas penagih berkenaan untuk menjalani hidup sebagai anggota masyarakat biasa di samping mereka tidak mengenali dengan lebih dekat penagih-penagih yang telah dipulihkan. Untuk mewujudkan keyakinan masyarakat terhadap bekas-bekas penagih ini, maka Kementerian Dalam Negeri telah pun menjalankan langkah-langkah sebagaimana berikut:

- (1) Mewujudkan Jawatankuasa Pemulihan Dadah Kawasan yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin masyarakat. Mereka ini dipertanggungjawabkan untuk membantu pegawai-pegawai pemulihan dadah dalam membantu dan membimbing penagih-penagih yang telah menjalani rawatan dan pemulihan. Dengan cara ini mereka akan dapat memahami dengan lebih dekat lagi tentang masalah-masalah keperluan dan kebolehan bekas-bekas penagih itu. Dengan pengetahuan yang diperolehi oleh mereka itu, mereka akan dapat meyakinkan masyarakat setempat terhadap kebolehan bekas-bekas penagih itu untuk menjalani hidup mereka berdasarkan norma-norma sosial sekiranya mereka diberi bantuan dan sokongan.
- (2) Mewujudkan Pusat-pusat Jagaan Lanjutan di mana aktiviti-aktiviti akan diatur

dengan melibatkan mereka dalam masyarakat setempat. Di samping itu, pemimpin-pemimpin masyarakat khasnya dan ahli-ahli masyarakat lain amnya akan dilibatkan dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan di dalam pusat tersebut.

- (3) Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan kerjasama untuk membolehkan bekas-bekas penagih ini diterima dalam persatuan-persatuan belia setempat. Untuk memberi tindakan yang berkesan, ahli-ahli persatuan belia telah diatur supaya datang ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah untuk menemui pelatih-pelatih dalam Fasa IV (pelatih-pelatih yang hampir dibebaskan) yang berasal dari kawasan persatuan yang berkenaan. Dengan cara itu ahli-ahli tersebut akan dapat mengenali bakal-bakal ahli baru daripada Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan pelatih-pelatih itu sendiri akan terlebih dahulu dapat mengenali pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Pusat Belia yang akan mereka masuki nanti. Ini akan membolehkan kedua-dua pihak saling menerima di antara satu sama lain.
- (4) Pelatih-pelatih daripada Fasa IV tadi di Pusat-pusat Pemulihan dilibatkan dalam projek-projek kemasyarakatan seperti gotong-royong, sukan dan projek-projek pembinaan untuk memberi keyakinan kepada masyarakat atas kemampuan pelatih-pelatih berkenaan di samping untuk memberi peluang kepada pelatih-pelatih bergaul dengan masyarakat umum. Dengan cara itu mereka tidak akan

mengalami kejutan budaya, atau cultural shock, dengan izin, apabila mereka dibebaskan daripada Pusat-pusat Pemulihan.

- (5) Tidak kurang pentingnya ialah langkah-langkah yang dibuat kepada keluarga penagih-penagih dadah itu sendiri. Pegawai Pemulihan Dadah dari masa ke semasa mengadakan counselling, dengan izin, dengan keluarga penagih dan mengatur lawatan keluarga ke Pusat-pusat Pemulihan. Dengan cara ini akan wujud suasana kemesraan dan saling berhubungan di antara penagih dengan keluarga mereka dan pihak keluarga akan mempunyai persediaan cara mana mereka harus menerima dan membantu penagih-penagih berkenaan apabila dibebaskan nanti.

Mengenai dengan saranan kepada Kerajaan supaya menimbang kemungkinan mengadakan satu kawasan yang luas bagi mengumpulkan penagih-penagih dadah untuk menjalankan penghidupan mereka secara bercucuk-tanam dan lain-lain, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sebenarnya telah pun mengadakan satu projek printis di dalam mana pelatih-pelatih dihantar bekerja di sebuah ladang kelapa sawit di Sungai Merchong, Pahang. Tujuannya ialah untuk mendedahkan mereka ini dengan kerja-kerja di dalam kawasan perladangan. Kesan-kesan mengenai kejayaan projek printis ini sedang diperbuat. Kerajaan mungkin menimbangankan cadangan untuk menempatkan penagih-penagih dadah di satu kawasan yang luas di dalam mana mereka boleh melibatkan diri cara aktif di bidang perladangan ataupun pertanian dan juga ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran masing-masing mengenai pelbagai isu di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya telah cuba untuk memberikan penjelasan-penjelasan saya ke atas beberapa pandangan dan teguran tersebut. Bagi pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini, saya memberi jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Kehakiman.

5.42 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gaya telah menimbulkan beberapa perkara berhubung dengan kehakiman di Sabah.

Saya ingin menjawab beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Berhubung dengan masalah kekurangan hakim di Sabah, jawapan mengenainya telah pun diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 10-10-1986. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan mengenai perkara ini.

Bagi jawatan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen pula, ada terdapat 4 jawatan di negeri Sabah dan 3 darinya telah pun diisi. Tindakan sedang diambil untuk mengisi satu jawatan Yang di-Pertua yang masih kosong itu.

Bagi Majistret pula, terdapat 10 jawatan di Sabah dan 7 daripadanya telah diisi. Suruhanjaya Perkhidmatan

Kehakiman dan Perundangan sedang menguruskan pengambilan Undang-undang yang baru untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong.

Berhubung dengan soal membina Mahkamah Perdagangan di Sabah, suka saya menyatakan bahawa buat masa ini berdasarkan bilangan kes-kes yang terdapat di Mahkamah Tinggi Sabah, tidak perlu diadakan Mahkamah yang khusus mengendalikan kes-kes perdagangan.

Mengenai pembinaan bangunan baru Mahkamah di Sandakan, projek ini telah pun diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menimbulkan masalah kekurangan Pegawai Pemegang Harta di negeri Sabah. Sebenarnya perkara ini telah pun dikaji dan Kementerian akan menempatkan 2 orang lagi pegawai bagi negeri Sabah iaitu seorang di Kota Kinabalu dan seorang lagi di Sandakan pada bulan Januari 1987. Pegawai-pegawai ini sedang menjalani latihan intensif di Ibu Pejabat Pemegang Harta.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pengangkutan.

5.45 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan saranan terhadap Kementerian Pengangkutan semasa membahaskan Titah Ucapan Di-Raja pada 8hb Oktober hingga hari ini. Sesungguhnya pandangan-pandangan, teguran-teguran dan saranan-saranan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat tersebut adalah menunjukkan minat dan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap pentadbiran dan pengurusan di Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Gaya dan Kota Belud semasa perbahasan pada 10hb Oktober telah menggesa Kerajaan untuk menimbang mengurangkan tambang perjalanan udara dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak sebagai langkah untuk meningkatkan integrasi nasional. Dalam hal ini, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa adalah memang menjadi dasar Kerajaan untuk mempereratkan integrasi rakyat dari negeri Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Dalam hal ini Kementerian Pengangkutan dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sentiasa memberi perhatian kepada tambang-tambang perkhidmatan MAS termasuk tambang-tambang di antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak. Ini adalah dibuat untuk menentukan tambang-tambang ini diadakan pada paras yang berpatutan dan mampu untuk digunakan oleh rakyat Malaysia.

Berhubung dengan ini, MAS telah pun memperkenalkan berbagai tambang istimewa yang murah bagi memudahkan perjalanan rakyat di antara kawasan-kawasan tersebut. Tambang-tambang ini di antara lain termasuklah tambang senior citizens yang mempunyai diskaun sebanyak 50%, tambang keluarga yang memberikan diskaun sebanyak 25%, tambang night tourists dengan diskaun sebanyak 30% dan tambang excursion yang memberikan diskaun sebanyak 10%. Di samping itu, baru-baru ini juga MAS telah memperkenalkan tambang murah bagi perjalanan berkumpulan 3 orang berhubung dengan mana diskaun sebanyak 25%

diberikan bagi tambang seseorang itu untuk perjalanan ke mana-mana sektor dalam negeri.

Mengikut kajian yang dijalankan, tambang-tambang istimewa ini telah pun mendapat sambutan yang baik dari orang ramai dan semenjak perlaksanaannya, ramai penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak serta Semenanjung telah pun mengambil peluang menggunakan tambang-tambang istimewa ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek lapangan terbang baru Sibul, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Pengangkutan sememangnya telah mempunyai rancangan untuk meneruskan projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun pada masa yang lalu terdapat penangguhan ke atas pelaksanaan projek tetapi ini adalah disebabkan oleh kedudukan kewangan yang sempit. Oleh yang demikian Kementerian Pengangkutan akan terus berusaha menentukan projek ini masih dapat diteruskan. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan bahawa keputusan peruntukan kewangan baginya akan dikaji semula.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan mengenai projek Pelabuhan Perlis. Saya ingin memberi penjelasan di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu projek ini adalah dalam perhatian Kementerian dan pelaksanaan projek ini dikaji di bawah National Ports Study atau Kajian Pelabuhan-pelabuhan Negara dan projek ini tidak dapat dilaksanakan sekarang kerana keadaan kewangan negara tidak mengizinkan.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Kerjaraya.

5.49 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat pandangan dan komen mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya semasa membahaskan Titah Ucapan Di-Raja di Dewan yang mulia ini.

Adalah saya sekarang dengan hormat dan sukacitanya menjawab ke atas pandangan dan komen yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu satu persatu untuk makluman Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu di antara lain telah meminta Kerajaan Persekutuan memberi perhatian yang wajar kepada keadaan sistem jalan raya-jalan raya yang menghubungkan bandar-bandar Kuching, Sibu, Bintulu, Miri, Sindumin yang mengikut beliau masih didapati dalam keadaan agak mundur dan kurang memuaskan. Terdapat bahagian-bahagian jalan raya tersebut belum lagi diturap dan oleh itu meminta Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan yang secukupnya untuk menaikkan taraf sepanjang jalan raya itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sememangnya memberi perhatian yang berat ke atas membina jalan baru dan menaikkan taraf jalan-jalan yang sedia ada, bukan sahaja di negeri Sarawak tetapi juga di seluruh Negara.

Mengenai jalan raya dari Kuching ke Sibu, Bintulu, Miri dan Sindumin, terdapat beberapa bahagian di sepanjang jalan raya itu telah pun diturap. Bagi jalan-jalan yang belum diturap atau yang akan dinaikkan taraf-tarafnya, kerja-kerja itu akan dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan kewangan negara kita. Jalan dari

Kuching ke Sindumin sepanjang 1,012 kilometer adalah merupakan salah satu daripada jalan raya-jalan raya utama di negeri Sarawak dan sehingga ini sepanjang 402 kilometer telah pun diturapkan. Secara terperinci bahagian-bahagian jalan raya dari Kuching ke Sibu yang panjangnya lebih kurang 450 kilometer yang telah diturap adalah sepanjang 234 kilometer. Bahagian dari Sibu ke Bintulu panjangnya lebih kurang 200 kilometer yang telah diturap adalah sepanjang 16 kilometer. Bahagian dari Bintulu ke Miri lebih kurang 209 kilometer, sepanjang 78 kilometer daripadanya telah diturapkan. Manakala bahagian dari Miri ke Sindumin sepanjang 153 kilometer, lebih kurang 74 kilometer daripadanya telah juga diturapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan sebanyak \$280.9 juta telah disediakan untuk menaikkan taraf jalan raya-jalan raya itu hingga ke sempadan Sabah dan bagi tahun 1986 peruntukan sebanyak lebih kurang \$87.5 juta telah pun diperuntukkan untuk menaikkan taraf jalan raya daripada Kuching ke Sindumin sahaja. Dalam pelaksanaan menaikkan taraf jalan raya-jalan raya tersebut, sebanyak 6 packages dicadangkan akan ditawarkan tender dan kerja-kerja dimulakan pada tahun 1987. Daripada tender-tender itu dua adalah bagi jalan raya Kuching ke Sibu sepanjang 92 kilometer, 2 packages sepanjang 86 kilometer dari Sibu ke Bintulu. Satu package daripada Bintulu ke Miri sepanjang 61 kilometer dan satu package dari Miri ke Sindumin sepanjang 21 kilometer. Keseluruhannya 6 packages ini adalah sepanjang 260 kilometer dan kerja-kerja menurap ini dijangka siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Dengan terlaksananya kerja-kerja menaikkan taraf jalan-jalan tersebut maka jumlah panjangnya jalan raya dari Kuching ke Sindumin yang telah

dinaikkan tarafnya akan bertambah daripada 402 kilometer kepada 662 kilometer iaitu bertambah daripada 39.7% kepada 65.4%.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuantan telah membangkitkan perkara mengenai kegiatan-kegiatan pemaju dan juga pemilik yang mana melibatkan perkhidmatan iktisas secara langsung seperti arkitek dan juga jurutera. Dalam perkara ini, Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh khususnya mengenai penilaian kerja di dalam sijil yang dikeluarkan oleh para arkitek atau jurutera yang ada didapati bercanggah atau, dengan izin, wrong certification dengan kemajuan sebenar ditetapkan. Beliau mahukan kes-kes seperti ini dibawa ke mahkamah dan arkitek ataupun jurutera yang terlibat dikenakan hukuman-hukuman setimpal seperti yang telah diambil oleh Majlis Peguam ke atas peguam-peguam di negara kita ini yang didapati bersalah dalam menjalankan amalan ikhtisas dan tanggungjawab mereka sebagai ahli professional.

Mengenai perkara ini, sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa adalah tidak benar dengan kenyataan bahawa tindakan tertentu telah tidak diambil ke atas arkitek atau jurutera yang telah melakukan kesalahan penilaian, atau dengan izin, wrong certification atau over certification of jobs done. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973 mempunyai fasal-fasal tertentu mengenai tindakan yang boleh diambil ke atas arkitek yang melakukan kesalahan termasuk kelalaian ikhtisas (Professional negligence). Untuk melaksanakan tindakan ini, Lembaga Arkitek Malaysia khususnya melalui satu Jawatankuasa Amalan Iktisas iaitu, dengan izin, Practice Committee, diberi tanggungjawab meneliti atau menyiasat aduan-aduan yang diterima mengenai arkitek-arkitek yang telah melakukan

kesalahan dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai ahli-ahli professional. Akta tersebut memberi kuasa kepada Lembaga menamatkan pendaftaran seseorang arkitek yang didapati bersalah.

Bagi Akta Jurutera 1967 (Pindaan) 1974 pula, terdapat kuasa yang sama yang membolehkan Lembaga Jurutera Malaysia mengambil tindakan ke atas mana-mana jurutera yang berdaftar yang didapati bersalah dalam menjalankan tanggungjawab sebagai ahli professional.

Setakat ini terdapat sebanyak lima kes-kes yang telah diterima oleh Lembaga Arkitek dan setelah disiasat, tindakan tatatertib telah diambil terhadap empat kes. Bagi jurutera pula, satu kes sahaja telah disiasat dan tindakan amaran keras telah diberi kepada pesalah. Oleh kerana penamatan pendaftaran sama ada arkitek ataupun jurutera di bawah Akta masing-masing itu merupakan satu tindakan yang berat, maka Lembaga-lembaga berkenaan perlulah meneliti dengan sehalus-halusnya tiap-tiap aduan sebelum tindakan menamatkan pendaftaran seseorang arkitek atau jurutera.

Sukalah saya menegaskan di sini bahawa penyiasatan ke atas sebahagian daripada kes-kes itu telah menghadapi masalah kerana kurangnya kerjasama dari orang awam untuk memberitahu bukti-bukti yang jelas dan tepat. Suka juga saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa Akta Jurutera 1957 Pindaan 1973 sekarang ini akan dibawa ke Dewan Parlimen ini untuk dipinda. Bagi Akta itu, pindaan adalah melibatkan penggantungan terlebih dahulu sebelum menamatkan pendaftaran dilakukan.

Suka juga saya menyatakan di sini bahawa Akta Arkitek 1967 (Pindaan) 1973 itu juga dicadang akan dipinda kelak dengan tujuan mengemaskinikan fasal berhubung

dengan tindakan yang boleh diambil ke atas arkitek yang melakukan kesalahan iktisas.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya jawab ke atas pandangan dan komen yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja yang berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian saya. Kepada pandangan-pandangan dan komen-komen yang tidak sempat saya jawab, saya akan mengambil perhatian ke atasnya dan yang mana didapati perlu tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Perusahaan Utama.

6.00 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi cadangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menyentuh kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim. Saya ingin menyatakan bahawa satu Missi Teknikal Minyak Kelapa Sawit Malaysia yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama akan berlepas ke Republik Islam Iran pada akhir bulan Oktober ini bertujuan membuka pasaran bagi bahan tersebut di Republik yang berkenaan.

Republik Islam Iran merupakan sebuah negara di mana memang wujud dari peraturan yang lama sekatan yang tidak menasabah terhadap pengimportan dan penggunaan minyak kelapa sawit untuk tujuan pemakanan. Oleh kerana minyak kelapa sawit digunakan secara meluas untuk tujuan pemakanan di seluruh dunia termasuk di negara-negara maju sekatan tersebut adalah tidak diasaskan kepada kriteria saintifik dan nutritional yang sah. Dengan demikian adalah menjadi objektif utama misi ini meminta Pihak Berkuasa Republik Islam Iran untuk memansuhkan sekatan atau rintangan itu dengan cara memberi penerangan yang secukupnya mengenai ciri-ciri sebenar minyak kelapa sawit Malaysia sebagai minyak sayuran yang berkhasiat penuh dan selamat digunakan dan dimakan oleh manusia serta juga mengandungi nilai-nilai perubatan yang sangat berguna.

Bersama-samalah kita berharap agar misi ini dapat merintis jalan kepada pembukaan sebuah pasaran baru yang berpotensi bagi minyak kelapa sawit Malaysia serta memperbaiki perdagangan di antara Malaysia dengan Iran. Dengan usaha seperti ini kita harus memperbaiki pemasaran minyak kelapa sawit terutamanya memandangkan harga bahan tersebut adalah sangat competitive secara bandingan dengan minyak dan lemak-lemak yang lain pada masa sekarang.

Saya gembira melaporkan di sini, kita dapat mengurangkan stok dari paras yang tinggi pada awal tahun sebanyak lebih kurang 900,000 tan kepada lebih kurang 600,000 tan iaitu satu paras yang munasabah yang biasa, selaras dengan pengeluaran kita iaitu lebih 4 juta tan setahun.

Pasaran minyak kelapa sawit telah bertambah kukuh dan dengan wujudnya harga yang competitive, saya yakin bahawa kita akan dapat

meningkatkan penjualan minyak kelapa sawit dari Malaysia melalui usaha sepertimana dimaksudkan dengan misi teknikal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Sekiranya ada terdapat perkara-perkara lain yang dibangkitkan dan saya tidak dapat menjelaskannya, Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil ingatan dan perhatian di atas perkara-perkara tersebut, dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya di mana perlu untuk menyelesaikannya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

6.05 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas cadangan, pandangan serta teguran mengenai berbagai perkara yang menyentuh Kementerian saya.

Kementerian saya akan mengambil perhatian yang sewajarnya mengenai cadangan-cadangan itu. Bagaimanapun izinkan saya untuk memberi sedikit penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah menarik perhatian Kerajaan agar jangan mengabaikan kepentingan pelabur-pelabur tempatan apabila Kerajaan baru-baru ini mengumumkan tentang garis panduan baru mengenai penyertaan ekuiti asing.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor pula telah menyarankan supaya Kerajaan menarik dulu pelabur-pelabur tempatan untuk melabur di negara sendiri sebelum tumpuan dibuat kepada pelabur-pelabur asing.

Saya bersetuju dengan ketiga-tiga pendapat ini dan Kerajaan memang sedar akan kepentingan pelabur-pelabur tempatan melabur di dalam projek-projek perindustrian negara. Berbagai kemudahan dan galakan telah disediakan kepada pelabur-pelabur tempatan. Satu sistem galakan cukai yang baru telah disediakan yang memberi faedah yang lebih kepada pelabur-pelabur tempatan terutama sekali di dalam projek-projek yang berorientasikan eksport dan yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan.

Di samping itu Kerajaan juga menggalakkan penubuhan perusahaan-perusahaan kecil terutama di kawasan-kawasan luar bandar. Galakan cukai juga disediakan untuk bidang ini. Kerajaan juga telah meminda Akta Penyelarasan Perindustrian (Industrial Coordination Act) di mana syarikat-syarikat kecil yang mempunyai modal saham kurang dari pada \$1 juta ataupun pekerja kurang dari 50 orang dikecualikan daripada pelesenan di bawah Akta ini.

Kerajaan sedar bahawa di masa-masa yang lalu pelaburan tempatan telah memainkan peranan yang penting dan telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan pengeluaran negara dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Menyedari hakikat inilah maka garis panduan ekuiti asing yang baru diumumkan dengan memberi kelonggaran pemegang asing sehingga 100% hanya di bidang-bidang di mana pengeluaran asing tidak bersaing dengan pengeluaran-pengeluar tempatan di pasaran

tempatan. Ini adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan pelabur tempatan yang mungkin merasa terganggu dengan persaingan hebat dari pelabur-pelabur asing.

Menyentuh tentang komen Yang Berhormat dari Hulu Selangor supaya Kerajaan tidak mengasingkan pelaburan itu sebagai pelaburan bumiputera atau bukan bumiputera, Kerajaan memang tidak mengasingkan pelaburan sebagai pelaburan bumiputera atau pelaburan bukan bumiputera. Semua pelaburan adalah diberi layanan yang serupa di bawah undang-undang yang ada sekarang.

Kerajaan juga berpendapat bahawa adalah tidak wajar untuk mengecualikan semua pelaburan daripada Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA). Jika ini berlaku, maka pembangunan perindustrian akan menjadi kucar-kacir dan akan menyebabkan persaingan yang membazir di dalam sektor perindustrian kita. Ini memandangkan bahawa pasaran tempatan adalah kecil dan oleh itu adalah perlu Kerajaan menyalurkan "resources" negara ke sektor yang difikirkan berfaedah kepada pelaburan tersebut dan juga kepada negara. Ini hanya dapat dibuat melalui kawalan terhadap kemasukan pelaburan. Oleh itu Akta Penyelarasan Perindustrian adalah difikirkan perlu. Namun begitu, Kerajaan akan terus meneliti kedudukan Akta ini dan jika difikirkan perlu, pindaan terhadapnya akan dibuat untuk memudahkan pengaliran pelaburan.

Berhubung dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang mengatakan keengganan pelabur asing dan tempatan melabur adalah disebabkan terdapat terlalu banyak rintangan pentadbiran (red-tape) dan tidak terdapat garis panduan yang jelas untuk para pelabur, inginlah saya menerangkan bahawa keputusan

untuk melabur adalah bergantung kepada banyak faktor seperti viabiliti sesuatu projek, faedah-faedah cukai yang dapat diperolehi dan sebagainya. Maka adalah tidak begitu tepat mengatakan peraturan-peraturan yang ada menjadi penghalang kepada pelaburan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun mengadakan beberapa galakan kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur di negara ini seperti:

- (i) Memperkenalkan galakan pelaburan dan skim cukai.
- (ii) Melonggarkan peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA), 1975.
- (iii) Mengurangkan kadar tarif untuk tenaga elektrik, panggilan telefon antarabangsa dan teleks.
- (iv) Melaksanakan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport.
- (v) Melancarkan Tabung Pelaburan Baru (New Investment Fund).

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar bahawa negara ini menghadapi persaingan yang hebat dari negara-negara jiran yang lain untuk menarik pelaburan asing. Oleh yang demikian, Kerajaan pada ketika ini sedang merumuskan beberapa galakan baru untuk menarik lebih banyak pelaburan baru serta pelaburan semula daripada pelabur-pelabur yang sedia ada. Di samping itu, Kerajaan juga sedang berusaha untuk memperkemas prosedur-prosedur yang ada sekarang ini di peringkat Persekutuan dan Negeri berhubung dengan penubuhan projek-projek pengilangan agar masa yang diambil untuk mendapat sesuatu kelulusan dapat disingkatkan dan tidak menyusahkan para pelabur. Seterusnya Kerajaan juga sedang mengkaji peraturan-peraturan dan

perundangan yang lain dengan tujuan mengurangkan bilangan dan jenis borang-borang yang perlu diisi oleh pihak swasta.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Pasir Mas supaya di bawah Pelan Induk Perindustrian, industri-industri hendaklah juga didirikan di kawasan-kawasan luar bandar dengan tujuan untuk membawa kemajuan industri ke kawasan-kawasan luar bandar yang masih jauh ketinggalan, suka saya mengatakan bahawa adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menempatkan lebih banyak industri di kawasan-kawasan luar bandar supaya dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan. Namun begitu industri memerlukan infrastruktur seperti jalan raya, telefon dan bekalan elektrik untuk memudahkan operasi mereka dan pada masa sekarang infrastruktur ini adalah terhad di kawasan-kawasan yang tertentu sahaja. Pelan Induk Perindustrian telah mencadangkan konsep "corridor", di mana industri-industri patut ditumpukan. Satu "corridor" ialah di Pantai Barat dari Alor Setar hingga ke Johor Bahru. Satu lagi ialah dari Kerteh di Terengganu hingga ke Kuantan, Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Belud untuk menyeragamkan harga barangan di seluruh Malaysia bagi maksud integrasi negara, ini adalah satu cadangan yang baik. Saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk menetapkan harga jualan yang seragam sejauh mana praktikal. Bagi barang-barang kawalan, perbezaan harga antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah disebabkan oleh kos pengangkutan yang tidak dapat dihapuskan sama sekali. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpuas hati

bahawa perbezaan kos ini adalah minima dan tidak begitu membebankan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam mencadangkan supaya institusi kewangan dan sistem pemasaran yang kemas diperlukan untuk meningkatkan pasaran dan membantu industri kecil atau "cottage industry". Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi-institusi kewangan sememangnya jelas dari segi peranan yang perlu dimainkan di dalam usaha memajukan dan mempertingkatkan industri kecil di negara ini. Ini adalah kerana semua Institusi-institusi kewangan seperti bank-bank perdagangan adalah tertakluk kepada arahan dan peraturan yang dibuat oleh Bank Negara. Misalnya peruntukan khas pinjaman untuk perusahaan kecil yang mana setiap bank perdagangan perlu memperuntukkan sejumlah dari peruntukan pinjaman yang disediakan oleh sesebuah bank itu. Sementara itu, Malaysian Industrial Development Finance (MIDF) dan Bank Pembangunan Malaysia Bhd. adalah dipertanggungjawabkan untuk mentadbirkan pemberian pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil di bawah skim

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta penjelasan?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Hanya saya minta penjelasan atau pengulasan. Tujuan saya menimbulkan perkara itu ialah supaya bank-bank ataupun institusi kewangan termasuk MIDF jangan mengenakan syarat-syarat yang begitu ketat yang menyusahkan ahli-ahli perniagaan yang hendak membuka industri-industri kecil untuk mendapat

pinjaman kerana inilah masalah yang dihadapi selama ini oleh mereka yang berkenaan.

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih. Sementara itu, Malaysia Investment Development Finance (MIDF) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad adalah dipertanggungjawabkan untuk mentadbirkan pemberian pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil di bawah Skim Pinjaman Khas Perusahaan Kecil iaitu Pinjaman Bank Dunia.

Mengenai pemasaran pula, apa yang dilakukan sekarang ialah melalui kontrak-kontrak Kerajaan sama ada melalui kontrak pusat ataupun kontrak Kementerian-kementerian yang berkenaan. Di samping itu, usaha-usaha sedang dipergiatkan untuk menambah lagi jenis barangan untuk tujuan ini. Sementara itu, pemasaran terbuka adalah juga dilaksanakan yang meliputi barangan keluaran makanan setakat ini, manakala barang-barang lain yang dikeluarkan oleh perusahaan kecil sedang dikenalpasti untuk tujuan yang sama.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam juga menyentuh tentang penghantaran rombongan keluar negeri untuk mempertingkatkan pelaburan dan perdagangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan pelaburan dan menggalakkan eksport barangan Malaysia, Kementerian saya merancang akan menghantar rombongan-rombongan pelaburan dan perdagangan keluar negeri setiap tahun. Kementerian juga menyertai pameran-pameran perdagangan yang tertentu bagi meningkatkan lagi usaha penggalakan ini.

Pada tahun 1987, Kementerian saya akan menghantar 6 rombongan perdagangan yang meliputi rombongan-rombongan ke Asia Barat, negara-negara EEC, Amerika

Selatan, Amerika Utara dan China. Kementerian saya juga akan menyertai 3 pameran di Frankfurt, Leipzig dan Cologne. Dalam hal ini, Kementerian sentiasa menghubungi Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyertai rombongan-rombongan anjuran Kementerian supaya dapat mencapai faedah maksima dari perbelanjaan Kerajaan dan mengelakkan pertindihan.

Dalam usaha meningkatkan eksport negara, Kerajaan telah juga menyediakan berbagai kemudahan termasuk penubuhan Pejabat-pejabat Perdagangan di seberang laut. Pejabat-pejabat Perdagangan sentiasa diawasi supaya memainkan peranan secara berkesan untuk mempertingkatkan pelaburan dan perdagangan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam juga telah mengesyorkan supaya menyekat kemasukan bahan-bahan dari luar negeri sekiranya bahan-bahan tersebut boleh didapati dalam negeri. Saya ingin menyatakan bahawa ini adalah satu perkara yang berat dan perlu dipertimbangkan dengan teliti sebelum dapat dilaksanakan. Ini adalah kerana ia boleh membawa akibat yang tidak diingini terhadap perdagangan luar kita. Namun begitu Kerajaan telah pun memberi perlindungan yang sewajarnya melalui cukai import terhadap barang-barang yang berasing dengan barang-barang dalam negeri. Di samping itu quota juga dikenakan terhadap barang-barang import yang mengancam pengeluaran-pengeluaran dalam negeri. Kerajaan akan terus mengkaji keadaan ini dari semasa ke semasa dan jika perlu akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi kepentingan pengeluaran-pengeluaran tempatan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak minta penjelasan.

Apabila saya menimbulkan perkara tersebut, iaitu meminta supaya Kerajaan kalau boleh memberhentikan pengimportan barang-barang tertentu yang mana barang-barang ini boleh dikeluarkan di negara kita, adalah juga didapati bahawa pengilang-pengilang kita hari ini—bukan sahaja 3 kilang yang saya sebutkan iaitu marmar, textile dan steel, dengan izin, tetapi banyak lagi kilang-kilang negara kita yang menghadapi kesulitan walaupun quota-quota ini telah dikenakan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa walaupun quota-quota ini dikenakan kepada pengimportan barang-barang daripada luar, namun demikian kita masih lagi menghadapi kesulitan pemasaran oleh kilang-kilang tempatan. Jadi untuk mengatasi masalah yang kita hadapi hari ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan panjang sangat.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Sedikit lagi, Tuan Speaker. Jadi untuk mengatasi masalah ini, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan bertindak lebih tegas lagi bagi membantu kilang-kilang yang ada dalam negara kita ini supaya lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan dapat diadakan dan lebih wang daripada luar negeri dapat dimasukkan ke dalam negara kita ini, daripada wang yang terus keluar. Itu pandangan saya. Jadi saya minta penjelasan sama ada Yang Berhormat sedar atas perkara ini ataupun tidak.

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sedar tetapi seperti saya sebutkan tadi, saya ingin menyatakan bahawa ini adalah satu perkara yang berat dan perlu dipertimbangkan dengan teliti sebelum dapat dilaksanakan.

Sekianlah sahaja penjelasan saya dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan mengenai perkara-perkara di bawah bidanguasa Kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

6.27 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran mengenai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sama ada daripada segi dasar, pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Kementerian ini di masa membahaskan Titah Ucapan Di-Raja tadi.

Saya tidak bercadang hendak mengulas perkara ini dengan lebih detail, maka hanya saya mengatakan bahawa kita akan mengambil perhatian di atas segala teguran-teguran yang membina dan akan menggunakannya sebagai satu dasar, satu contoh ataupun satu program yang boleh kita laksanakan jika sekiranya ianya didapati sesuai.

Saya hanya suka hendak menjawab sedikit mengenai satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kapit, iaitu mengenai saranan beliau supaya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, melalui agensinya FELDA dan FELCRA, memperluaskan lagi pembukaan rancangan-rancangan tanah di negeri Sarawak khususnya di kawasan beliau sendiri. Di samping

itu, beliau juga telah mencadangkan supaya rancangan ini kelak ditanam dengan kelapa sawit dan koko kerana ianya merupakan satu-satunya tanaman yang berpotensi dari segi pasaran dan permintaan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menerusi FELDA dan FELCRA telah pun melaksanakan pembangunan tanah di negeri Sarawak. Memang betul pada masa dahulu, lebih 10 tahun dahulu, ada dinasihatkan supaya FELDA dan FELCRA melaksanakan ataupun meluaskan aktivitinya di Sarawak, tetapi baru-baru inilah FELDA masuk ke Sarawak dan insya Allah aktiviti ini akan dipertingkat dan dipergiatkan lagi.

Setakat ini pihak FELDA telah mendapat sekeping tanah seluas 14,000 ekar ataupun 2,076 hektar dari negeri Sarawak. Saya telah pun berbincang dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri yang telah memberitahu saya bahawa Kerajaan Negeri Sarawak akan memberi lagi lebih banyak tanah untuk digunakan oleh FELDA membuka rancangan-rancangan tanah demi keuntungan dan kemajuan negeri dan rakyat negeri tersebut. Walau bagaimanapun, mengenai kawasan Yang Berhormat sendiri, inginlah saya menyatakan bahawa belum lagi saya dapat kita melaksanakannya oleh kerana kita belum lagi membuat satu-satu kajian viability daripada segi ekonomik dan lain-lain faktor seperti kesesuaian tanah, kecuraman tanah dan sebagainya.

Ingin saya menyatakan di sini bahawa bagi pihak saya, insya Allah, saya akan memberi perhatian yang khusus kerana tujuan kita ialah hendak membangunkan kawasan-kawasan khususnya kawasan-kawasan luar bandar dan meningkatkan lagi taraf penghidupan mereka di sana.

FELCRA setakat ini belum lagi mengadakan pembangunan tanah di kawasan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada banyak lagi?

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sedikit lagi dua paragraph.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila tamatkan.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih. Walau bagaimanapun FELCRA sedang membuat beberapa kajian di negeri Sarawak dalam Bahagian Pertama dan Kedua dan akan meluaskan aktiviti penyelidikannya di sana. Sungguhpun begitu FELCRA sedang menjalankan 5 buah rancangan di Sarawak iaitu di kawasan RASCOM yang luasnya kurang lebih 1,331 hektar.

Setakat ini FELDA telah membuka seluas 660 hektar di Bahagian Pertama iaitu di kawasan Sempadi dan usaha-usaha ini akan diperluaskan lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.